



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

Senate

PARLIMEN ^{KETUJUH}
seventh Parliament

PENGGAL ^{KEDUA}
second *Session*

Jilid II **Bil. 25** **Hari Selasa** **13hb Disember. 1988**

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1989 (Ruangan 41)
Rang Undang-undang Kesatuan Sekerja (Pindaan) (Ruangan 87)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 13hb Disember, 1988

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

TABUNG KUMPULANWANG AMANAH EKONOMI BELIA

1. Tuan Haji Ibrahim bin Jendol minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan setakat hari itu sejauh manakah kejayaan Tabung Amanah Kumpulan Wang Ekonomi Belia mencapai matlamatnya dan apakah Kementerian bercadang untuk menambah peruntukan tabung tersebut di tahun hadapan.

Menteri Belia dan Sukan [Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga 15.11.1988, Tabung Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia, Kementerian Belia dan Sukan telah dapat mewujudkan sebanyak 67 projek yang berbentuk perniagaan dan pertanian. Seramai 250 orang belia telah memperolehi pekerjaan melalui program ini. Sebanyak \$900,000 telah diberi pinjaman kepada golongan belia yang telah mengemukakan projek yang berkemampuan (viable) dan mempunyai potensi untuk maju.

Menyentuh mengenai pencapaian matlamat penubuhan tabung ini, Kementerian Belia dan Sukan memang sedang menuju ke arah pencapaian matlamat tersebut yang bertujuan untuk melahirkan usahawan dan petani moden yang berwibawa di kalangan belia. Mengenai pertambahan peruntukan di bawah tabung ini, pihak Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$6 juta pada tahun 1989 berbanding dengan \$3 juta pada tahun 1988.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri jika sekiranya ada Kerajaan-kerajaan Negeri yang ingin mewujudkan tabung yang hampir serupa dengan tabung ini, adakah Kementerian sedia memberi bantuan sama ada kewangan atau penyelaras-an; tujuan tabung itu dibentuk. Juga saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri daripada 67 projek untuk 250 orang belia ini, adakah ini termasuk projek-projek ternakan undang, ikan keli, kambing, kambing biri-biri dan sebagainya. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa sebahagian daripada projek-projek ini tidak berjalan dengan begitu baik?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan bahagian pertama, pihak Kementerian sentiasa memberi sokongan kepada sebarang usaha yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri yang boleh, dengan izin, complement apa yang dibuat di peringkat pusat. Oleh itu, sekiranya ada mana-mana Kerajaan Negeri hendak menubuhkan Tabung Kumpulan Wang Amanah yang

serupa seperti yang ada di peringkat kebangsaan maka Kementerian akan memberi sokongan dalam bentuk penyelarasan dan juga kepakaran. Saya difahamkan Kerajaan Negeri Selangor akan menubuhkan tabung ini dalam sedikit masa lagi.

Tentang jenis-jenis projek yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, punca-punca kelemahan yang besar yang didapati setakat ini ialah masalah pemasaran (marketing). Oleh itu, kalau sekiranya projek yang dikemukakan itu Kementerian masih meragui akan kemampuan dari segi bidang pemasaran maka pihak yang berkenaan yang memohon projek itu akan diminta untuk memperbaiki kelemahan di peringkat itu.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Masalah pemasaran ini bukan merupakan kelemahan kepada saya kerana projek ini kebanyakannya di luar bandar. Kejayaan projek ini saya nampak mencapai kepada kejayaan, misalnya ayam yang diternak gemuk-gemuk, ikan keli yang diternak besar-besar lengan, kambing biri-biri yang diternak bulunya tebal-tebal; tetapi masalahnya pemasaran ini. Jadi, adakah ini terus kita hendak salahkan kepada belia yang mengambil bahagian atau ada satu agensi lain yang Kerajaan tubuhkan untuk mengambil hasil usaha itu untuk dipasarkan. Adakah FAKA misalnya terlibat di dalam usaha 67 projek ini untuk dibawa ke Pasar Tani, misalnya.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Memang ada penyelarasan yang dibuat dengan pihak FAMA.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada beberapa projek yang telah dinyatakan oleh Menteri tadi, saya ingin mendapat penjelasan iaitu selain daripada ternakan tadi apakah projek yang besar-besar yang diusahakan oleh belia ini telah berjaya. Yang kedua, adakah wang Tabung Kumpulan Wang Amanah Belia ini juga diberi kepada usahawan-usahawan yang berjaya sepertimana yang telah kita baca dalam akhbar bahawa terdapat banyak belia-belia yang telah berjaya dalam usaha-usahanya yang telah ditawarkan hadiah yang agak tinggi.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, falsafah di sebalik penubuhan Tabung Kumpulanwang Amanah ini ialah untuk memberi sumber kewangan kepada belia sebagai perintis, sebagai titik permulaan kepada mereka menerokai bidang perniagaan. Tetapi kalau mereka sudahpun merupakan mereka yang berpengalaman dan berjaya dalam bidang perniagaan, mereka digalakkan untuk mendapatkan pinjaman daripada institusi kewangan seperti biasa. Tentang jenis-jenis projek, saya memerlukan notis.

Dr. Tan Chong Keng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkaitan dengan Tabung Amanah Kumpulanwang Ekonomi Belia ini saya ingin meminta Yang Berhormat Menteri supaya memberitahu Dewan yang mulia ini berkenaan dengan bilangan kursus latihan kemahiran yang diberi kepada kumpulan belia yang membolehkan mereka berjaya dalam usaha-usaha yang dijalankan di bawah projek-projek yang diluluskan oleh Kementeriannya?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, memang disyaratkan bahawa mereka yang boleh menertma pinjaman ini adalah mereka yang sudahpun menerima latihan kemahiran, misalnya melalui program latihan di Pusat-pusat Latihan Belia Negara di Pertak, Dusun Tua, Pusat Latihan Belia Terengganu dan juga mereka yang telah mengikuti kursus perniagaan atau pertanian anjuran Kementerian ataupun agensi- agensi yang lain.

Tuan Yang di-Pertua: Hanya satu lagi soalan tambahan. Sila Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Hamid bin Haji Latif: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa ada diberi pinjaman kepada belia-belia untuk menjalankan perusahaan mereka.

Saya ingin tahu adakah mereka ini bermasalah untuk membayar hutan. Kalau ada masalah, apakah masalah-masalah yang telah dikenalpasti oleh pihak Kementerian?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Di antara masalah-masalahnya ialah kemampuan mereka memastikan bahawa projek-projek itu berdaya maju. Selain daripada itu ialah sikap mereka sendiri yang kurang melihatkan ciri-ciri mengetahui disiplin kewangan yang baik dan inilah di antara dua punca masalah yang dihadapi oleh kita.

KEMALANGAN ELEKTRIK

2. **Tuan Mohd. Noor bin Bedah** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) jumlah korban atau cedera yang membabitkan kemalangan elektrik, yang dilaporkan berlaku dalam tempoh 5 tahun yang lalu;
- (b) sama ada Kerajaan sedar, bahawa barangan elektrik yang diimport murah telah melanggar piawaian negara, masih dijual meluas dalam pasaran tempatan, dan
- (c) usaha yang telah dibuat bagi meningkatkan kesedaran rakyat mengenai aspek keselamatan penggunaan elektrik.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji Hussein bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Dalam tempoh lima tahun lalu, jumlah kemalangan elektrik yang dilapor dan dikesan ialah 558 kes. Daripada ini 285 adalah kes kemalangan maut dan 273 adalah kes tidak maut.

Kerajaan sedar dan sentiasa mengawasi bahawa barang-barang elektrik khususnya untuk kegunaan di rumah-rumah kediaman adalah selamat untuk digunakan. Dengan itu, maka 28 jenis barang-barang elektrik disenaraikan sebagai barang-barang terkawal yang mana pengimportannya hanya boleh dibuat setelah spesifikasi piawaian alat-alat berkenaan mematuhi piawaian Malaysian atau lain-lain piawaian yang diterima seperti dengan izin, British standard dan sebagainya.

Usaha meningkatkan kesedaran rakyat mengenai keselamatan barang-barang elektrik yang telah, sedang dan akan terus dijalankan ialah:

- (i) Jabatan Jemaah Pemeriksaan Elektrik mestilah memastikan bahawa pengendalian sesuatu pemasangan elektrik dijalankan hanya oleh mereka yang berkelulusan sahaja;
- (ii) mengawal pengimportan dan pengeluaran barang-barang elektrik tempatan khususnya barang-barang yang digunakan di rumah kediaman; dan
- (iii) mengadakan kempen serta ceramah-ceramah kesedaran melalui media massa dan lain-lain pertubuhan.

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan menteri, kebakaran rumah atau rumah kedai dari masa ke semasa bertambah kerana akibat elektrik dan mengalami kerugian yang banyak. Bolehkah Kementerian mencadangkan sata Rang Undang-undang supaya semua rumah atau rumah-rumah kedai mengambil insurans sebelum memberi perkhidmatan kuasa elektrik.

Datuk Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan menyediakan bekalan api elektrik untuk memberi kemudahan asas kepada semua rakyat dan Kerajaan telahpun menyediakan peraturan-peraturan yang tertentu sebagaimana yang telah saya maklumkan sebentar tadi. Untuk mengelakkan kebakaran berlaku disebabkan piawaian elektrik **ini**, maka orangramai hendaklah benar-benar mematuhi apa yang telah ditentukan sama ada oleh Penguasa Tempatan atau oleh pihak Lembaga Letrik Negara. Kita sedar memang banyak berlaku kebakaran yang berpunca daripada salahguna yang dilakukan. Oleh kerana syarat-

syarat ini dikira sudah mencukupi setakat ini untuk kepentingan dan keselamatan, oleh yang demikian orangramai sendiri hendaklah menyedari betapa pentingnya kepada mereka sendiri dalam masalah menjaga ini. Jika Kerajaan hendak menjaga lagi dalam masalah keselamatan ini, menyentuh dalam masalah insurans, terpulanglah kepada diri mereka sendiri. Walau bagaimanapun, setakat ini Kerajaan masih belum lagi membuat syarat-syarat yang seperti itu dengan cara termesti sama ada melalui LLN ataupun Penguasa Tempatan.

Tuan Lau Keng Sioog: Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya Yang Berhormat berkenaan dengan pengguna-pengguna elektrik ini oleh kerana 'wire' yang selalunya menyebabkan kebakaran. Berapa lama atau berapa tahun sekali pengguna-pengguna kena menukar, wire ini?

Satu lagi, saya suka bertanya pihak yang berkenaan adakah LLN menyimpan rekod-rekod pengguna-pengguna ini, Mengikut pengetahuan saya, pengguna-pengguna elektrik ini telah menggunakan terutama sekali wire ada yang hampir 20 hingga 30 tahun tidak pernah ditukar. Ini boleh menjadikan satu sebab yang besar kebakaran berlaku. Sekiranya perkara seperti ini berlaku, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak berkenaan? Adakah pihak berkenaan menyimpan rekod-rekod pengguna. Sekiranya ada, adakah diberi tahu kepada pengguna-pengguna kalau tempoh masa telah sampai?

Datuk Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sudah saya tegaskan bahawasanya Kerajaan menyediakan bekalan api untuk memberi kemudahan kepada rakyat, maka setiap rakyat hendaklah mengambil tanggungjawab sendiri untuk menjaga keselamatan. Janganlah rakyat, soal hendak menjaga keselamatan mereka pun hendak mengharapkan

kepada Kerajaan. Oleh yang demikian di dalam masalah untuk menjaga keselamatan ini hendaklah benar-benar dikesan sendiri oleh pihak-pihak yang menggunakan perbekalan api elektrik. Soal rekod itu sudah tentu ada, sebab itulah ada pengguna yang tidak membayar bil, bekalan api di rumah mereka dipotong. Itulah tandanya kita ada rekod.

PENIAGA BUMIPUTERA YANG MUFLIS

3. Tuan Azman Atar bin Othman minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) semenjak 1980 hingga Ogos, 1988 berapa orangkah peniaga-peniaga bumiputera yang diisytiharkan muflis di seluruh negara;
- (b) apakah sebab-sebab utama mereka ini diisytiharkan muflis ;
- (c) apakah kesan-kesan penting keadaan ini terhadap pencapaian matlamat 30% penglibatan bumiputera dalam bidang perniagaan bumiputera dalam bidang perniagaan dan perindustrian selaras dengan DEB; dan
- (d) apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh pihak Kerajaan untuk mengurangkan kadar kemuflian bumiputera supaya matlamat DEB akan tercapai.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Mengikut maklumat-maklumat yang diterima daripada Jabatan Pemegang Harta, semenjak tahun 1980 sehingga Ogos 1988 terdapat kira-kira 5,910 orang bumiputera telah diisytiharkan muflis atau 38% daripada sejumlah 15,381 yang diisytiharkan muflis di seluruh negara dalam tempoh itu, Angka-angka ini adalah berdasarkan individu yang terlibat dan dari itu, tidak semestinya meliputi golongan peniaga sahaja.
- (b) Di antara sebab-sebab yang membawa kepada tindakan kebangkrutan diambil terhadap seseorang itu adalah seperti berikut:-

- (i) kurang pengalaman dan pengetahuan di dalam sesuatu perniagaan yang diceburinya;
- (ii) tidak mempunyai modal pusingan yang mencukupi untuk membeli bahan-bahan yang hendak diperniagakan kerana barang-barang itu seringkali dinaikkan harganya;
- (iii) berbelanja melebihi daripada pendapatan yang diterima;
- (iv) tertipu oleh rakan perkongsian di dalam perniagaan;
- (v) kesukaran untuk memungut hutang buku (book debts);
- (vi) perniagaan yang lembab dan persaingan yang hebat dalam perniagaan;
- (vii) pengurusan yang tidak betul ataupun tidak cekap;
- (viii) faedah yang tinggi atas pinjaman; dan
- (ix) apabila sipeminjam tidak dapat menjelaskan hutangnya atau tidak dapat menunjukkan sesuatu skim/rancangan pembayaran yang memuaskan piutang-piutang maka perintah kebangkrapan dikenakan terhadap peminjam.

Berdasarkan sebab-sebab ini jelas bahawa bukanlah soal dasar seperti Dasar Ekonomi Baru yang menjadi alasan timbulnya masalah kebangkrapan. Selain daripada sebab khusus yang dinyatakan di atas, faktor-faktor luaran seperti kesan-kesan kemelesetan ekonomi terhadap permintaan barangan dan saiz pasaran juga merupakan alasan yang memberatkan lagi masalah kebangkrapan di kalangan bumiputera. Selain dari itu, seperti Yang Berhormat sedia maklum, kebanyakan peniaga-peniaga dan usahawan-usahawan bumiputera merupakan pendatang baru dalam bidang perdagangan dan perindustrian. Kemampuan mereka untuk mengharungi cabaran-cabaran dalam dunia perniagaan adalah terhad. Di sinilah sebenarnya terletak peranan positif Dasar Ekonomi Baru, di mana menerusi tindakan-tindakan tertentu, Kerajaan bersedia membantu sejauh mana yang boleh usahawan-usahawan bumiputera yang berpotensi agar mereka tidak merasa terlalu sukar untuk terus memulihkan kedudukan mereka.

- (c) Tidak dapat dinafikan bahawa dengan berlakunya banyak kes-kes kebangkrapan, matlamat pencapaian 30% penglibatan bumiputera dalam bidang perniagaan dan perindustrian turut terjejas. Walau bagaimanapun, pengalaman ini dengan sendirinya telah banyak memberi pengajaran kepada usahawan-usahawan dalam usaha menghadapi masa depan mereka. Adalah dijangkakan bahawa mereka yang gigih memulihkan perniagaan dan berkembang dengan pesat di masa-masa yang akan datang.

- (d) Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan, seperti Yang Berhormat sedia maklum, ialah pembentukan Tabung Pemulihan Usahawan yang bernilai \$500 juta di bawah pengawasan Bank Negara Malaysia. Setakat ini 5 kes telah diselesaikan oleh Jawatankuasa berkenaan di mana peruntukan sebanyak 55.1 juta telah diluluskan untuk syarikat yang berjaya. Selain dari itu, 7 kes yang melibatkan pembiayaan sebanyak \$1.4 juta telah diselesaikan tanpa penglibatan sebarang bantuan dari tabung tersebut.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan. Selain daripada jawapan Yang Berhormat berikan tadi adakah Jabatan di bawah Kementerian Yang Berhormat untuk menubuhkan satu badan mengenalpasti kepada mereka yang bankrap secara teraniaya. Jika ada, adakah badan ini atau Kerajaan bercadang untuk memberikan pertolongan balik agar mereka ini balik menjadi semacam sediakala dan terus kita dapat melihat bumiputera yang benar-benar berminat supaya mereka betul-betul menjadi tuan di dalam negaranya sendiri?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada penakrifan tentang kebankrapan teraniaya ini disebabkan tidak ada orang teraniaya yang teraniaya atau dianiayakan yang menyebabkan mereka bankrap, tetapi biasanya mereka menceburkan diri.....

Tuan Azman Atar bin Othman: Maksud saya, teraniaya ini macam dia jadi penjamin dan sebagainya, teraniayalah itu.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, menjadi penjamin bermakna kata dia bersetuju di dalam urusan kontrak ini. Dia bersetuju untuk menjamin si A, maka dia juga bertanggungjawab

sama dengan seperti meminjam. Jadi bagi sesiapa pun yang hendak menjamin, dianya adalah terikat dengan peraturan undang-undang yang sedia ada. Kalau sekiranya si berhutang tidak dapat menjelaskan hutang, maka penjamin terpaksa menanggung hutang.

Saya telah menjelaskan tadi bahawa Tabung Pemulihan Usahawan ini telah diadakan dan Jawatankuasa inilah akan memainkan peranan jika sekiranya ada peniaga-peniaga bumiputera yang merasakan mereka mampu untuk memulihkan perniagaan mereka ataupun ada perniagaan-perniagaan yang boleh dipulihkan semula, insya Allah, Jawatankuasa ini akan memainkan peranan untuk memulihkan usahawan bumiputera yang hampir-hampir dibankrapkan.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin dapat satu angka untuk saya buat perbandingan. Jika tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyebutkan 5,100, berapa pula angka yang bukan bumiputera telah diisytiharkan sebagai muflis?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, yang bakinya itu. Kalau sekiranya bumiputera ialah sebanyak 5,910; yang bukan bumiputera orang-orang keturunan Tionghua atau Cina 8,579 dan India 791.

Tuan Tan Chai Ho: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Mengikut jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, kita dimaklumkan bahawa sebanyak \$5 billion yang disediakan untuk menyelamatkan syarikat-syarikat bumiputera yang mengalami kesulitan kewangan atau muflis. Saya ingin tahu adakah Kerajaan bercadang menyediakan satu tabung sedemikian untuk menolong syarikat-syarikat yang bukan bumiputera?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bukan \$5 billion, tetapi \$500 juta. \$500 juta ini tabung pusingan untuk bumiputera yang di bawah pengawasan Bank Bumiputera. Dan untuk semua rakyat Malaysia yang menceburkan diri dalam bidang perniagaan sememangnya Menteri Kewangan telahpun mengisytiatkan memohon kepada bank-bank semua supaya dapat menimbangkan, memberi, memudahkan urusan pembayaran balik atau penjadual semula (re-schedule) bagi hutang-hutang yang mereka telah lakukan. Pengumuman ini telah dibuat oleh Menteri Kewangan dalam akhbar-akhbar memohon minta kerjasama bank-bank supaya dapat bekerjasama dengan semua ahli-ahli perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' K.S. Nijhar.

Puan Valli Muthusamy: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan yang ke 4.

BUSINESS MIGRATION PLAN

4. Puan Valli Muthusamy [di bawah S.O. 23(2)] minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau akan memberi pertimbangan yang sewajar kepada rancangan "Business Migration Plan" bagi para pelabur dan usahawan-usahawan yang boleh meningkatkan lagi perkembangan ekonomi Malaysia, seperti yang diamalkan oleh Australia, New Zealand, Kanada, Singapura dan Hong Kong.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian

[Tuan M.G. Pandithan]: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kerajaan tidak mempunyai cadangan untuk mengadakan 'Business Migration Plan' bagi para pelabur dan usahawan seperti yang diamalkan oleh negara-negara Australia, New Zealand dan Hong Kong. Ini adalah kerana Kerajaan kita mengamalkan sistem penggalakan pelaburan yang terbuka. Syarikat-syarikat yang melabur di negara ini juga dibenarkan menggaji pegawai-pegawai ekspatriat berasaskan kriteria

yang telah ditetapkan. Pada ketika ini Kerajaan sedang mengkaji prosedur-prosedur berhubung dengan Imigresen bertujuan untuk menyenangkan lagi kemasukan pelabur-pelabur asing ke negara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif.

Dato Haji Abdul Hamid bin Haji Latif: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ke 5, tetapi sebelum jawapan dilakukan, saya ingin membuat pembedaan di baris ke 4 yang berbunyi:

"...kampung-kampung di bawah PLB tidak dinaikkan taraf"
bukan,

"...dihadkan taraf".

Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: "...tidak dinaikkan taraf". Sila.

JALAN KAMPUNG - MENAIKKAN TARAF

5. **Dato Haji Abdul Hamid bin Haji Latif** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada benar atau tidak bahawa jalan-jalan yang dibina di kampung-kampung di bawah PLB tidak dinaikkan taraf hingga sekarang dan akibat daripada itu jalan-jalan tersebut terbiar dan banyak yang rosak kerana pihak J.K.R. enggan membaikinya dan pihak Pembangunan Luar Bandar Daerah pula tidak ada peruntukan membaikinya, jika adapun terlalu kecil dan tidak mencukupi untuk menurapkan semula jalan-jalan yang telah rosak. Jika benar, adakah Kerajaan bercadang mengadakan peruntukan yang cukup bagi membaiki jalan kampung yang dibina di bawah peruntukan PLB atau bercadang menaikkan taraf jalan tersebut supaya ianya dapat diserahkan kepada J.K.R.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon lain untuk menjawab bagi pihak Kementerian Pembangunan Negara dan luar Bandar.

Tuan Yang di-Pertua, perlu saya jelaskan terlebih dahulu bahawa jalan-jalan kampung-kampung di bawah Pembangunan Luar Bandar adalah jalan-jalan kecil di kampung-kampung yang menghubungkan kampung/rumah ke Jalan Luar Bandar. Boleh dikatakan semua jalan-jalan asal

kampung yang diturap dengan tar adalah tidak mengikut ukuran kelebaran dan perincian J.K.R. dan tapak jalan juga meliputi tanah milik yang diberi izin. Kedudukan ini dengan sendirinya tidak membenarkan jalan-jalan ini dinaikkan taraf ke perincian J.K.R. Walau bagaimanapun, di masa hadapan jalan kampung yang mempunyai ukuran kelebaran dan mencapai standard jalan J.K.R. ianya akan diserahkan kepada pihak J.K.R.

Kerajaan telah memperuntukkan 20% dari jumlah peruntukan jalan kampung untuk penyelenggaraan jalan. Bagi tahun 1986, \$10.6 juta dan bagi tahun 1988, \$12 juta telah diperuntukkan bagi maksud ini. Memandangkan jalan kampung yang belum bertar adalah masih banyak, peruntukan yang sedia ada juga perlu dibelanjakan bagi jalan-jalan tersebut.

Di samping usaha-usaha Kerajaan bagi membaiki jalan-jalan kampung tersebut, penduduk-penduduk kampung juga harus bertanggungjawab dan membantu Kerajaan dalam memperbaiki dan menyelenggara jalan-jalan di kampung mereka sendiri. Cara ini akan dapat mengurangkan kos dan membolehkan lebih banyak lagi jalan diselenggarakan. Kementerian ini juga telah berusaha memperluaskan kaedah pembinaan jalan konkrit di kampung-kampung supaya jalan-jalan kampung lebih lama ketahanannya dan kos penyelenggaraannya juga dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Law Jack Yoon.

Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 6.

BARANGAN DIJUAL DI KEDAI - MEMPAMERKAN

6. **Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh [di bawah 5.0.23(2)]** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan tentang cara mempamerkan dan menyusun barangan yang dijual di kedai-kedai dan di pasaraya-pasaraya misalnya tempat untuk makanan seperti kek, roti dan kuih-muih yang tidak boleh diletakkan dekat bahan-bahan pencuci, sabun dan racun serangga.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian

[Tuan M. G. Pandithan]: Tuan Yang di-Pertua, buat masa sekarang tidak ada undang-undang atau peraturan-peraturan yang secara langsung menetapkan cara-cara mempamerkan dan menyusun barangan yang dijual di kedai-kedai dan pasaraya-pasaraya. Biarpun demikian, penjualan apa-apa bahan beracun, berbahaya atau merosakkan termasuk racun makhluk perosak adalah tertakluk kepada undang-undang tertentu iaitu:-

- (a) Akta Racun Makhluk Perosak 1974 dan perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya iaitu Kaedah-kaedah Racun Makhluk Perosak (Pelesenan Bagi Penjualan dan Penyimpanan untuk Jualan) 1988; dan
- (b) Akta Makanan 1983 dan perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya iaitu Peraturan-peraturan Makanan 1985.

Undang-undang ini ditadbir dan dikuatkuasakan oleh Kementerian Pertanian dan Kementerian Kesihatan masing-masingnya,

CEK TAK LAKU

7. **Tuan Haji Jaafar bin Haron** minta Menteri Kewangan menyatakan bagaimanakah yang dikatakan cek tak laku dan tindakan Kerajaan dalam menghalang pengeluaran cek tak laku ini, apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mengatasinya, dan semenjak tahun 1984 hingga sekarang berapa keping banyaknya cek tak laku dan berapa nilainya.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cek tidak laku yang dimaksudkan di bawah sistem Biro Maklumat Cek adalah seperti berikut:-

- (i) Cek yang dikeluarkan di mana akaunnya tidak mempunyai wang yang cukup untuk pembayaran/penjelasan cek tersebut;
- (ii) pengeluaran cek ke atas akaun yang telahpun ditutup;
- (iii) cek yang dikeluarkan melebihi had overdraf ataupun facility yang diluluskan,;
- (iv) cek yang dikeluarkan di mana baki dalam akaunnya masih belum dijelaskan (effects not cleared).Ini terjadi apabila seseorang pelanggan yang menerima sekeping cek dan memasukkan cek itu ke dalam akaunnya, telah mengeluarkan ceknya sendiri untuk menggunakan wang tersebut tanpa menunggu proses penjelasan diselesaikan terlebih dahulu oleh pihak bank ke atas cek yang baru dimasukkan ke dalam akaunnya itu.

Bagi membendung pengeluaran cek-cek tak laku ini, Kerajaan telahpun menubuhkan Biro Maklumat Cek pada pertengahan Ogos, 1988 bagi mengawasi pengeluaran cek tak laku. Di bawah sistem pengawasan BMC, ataupun Biro Maklumat Cek ini, seseorang pemegang akaun yang mengeluarkan cek tak laku sebanyak 3 kali dalam tempoh 12 bulan, maka akaunnya akan ditutup, dan ianya tidak akan dibenarkan membuka

akaun baru untuk tempoh larangan selama 6 bulan. Dengan penubuhan Biro ini, adalah diharapkan bahawa bilangan cek tak laku yang disebabkan oleh kekurangan wang akan berkurangan dan seterusnya memberi lebih keyakinan kepada orang awam dan bank dalam menerima cek sebagai satucara pembayaran.

Pada masa ini Bank Negara hanya menyimpan rekod mengenai cek tak laku yang dikeluarkan dalam kawasan Rumah Penjelasan. Otomatik Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Automated Clearing House) sahaja. Ini merangkumi pejabat-pejabat bank di dalam Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Pelabuhan Kelang, Seremban, Sungai Buluh, Shah Alam, Kajang, Semenyih, Mantin, Bangi, Serdang, Rawang dan Kapar. Bilangan dan nilai cek tak laku yang dikeluarkan sejak tahun 1984 adalah sebagaimana berikut:-

Tahun	Bilangan Cek dipulangkan	Nilai (\$ Juta)
1984(April-Dis)	321,441	tiada maklumat
1985	491,845	1,514.9
1986	438,187	1,238.3
1987	314,566	853.4
1988 (Jan-Jun)	127,851	295.3

KEMALANGAH JIWA DI LAUT

8. **Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah sebenar kemalangan di laut yang melibatkan pelantar minyak dan gas telah direkodkan oleh pihak Kementeriannya;
- (b) jumlah sebenar kerugian yang dialami oleh negara akibat kejadian ini sama ada dari segi kemalangan jiwa dan peralatan; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang diambil bagi memastikan perkara ini dapat dikurangkan di masa akan datang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Kasitah bin Gaddam]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod, di antara tahun 1985 hingga sekarang, hanya 5 kemalangan jiwa, 8 kebakaran dan 3 tumpahan minyak telah berlaku di kawasan laut yang melibatkan pelantar minyak dan gas. Kerugian yang ditaksirkan akibat kejadian ini ialah sebanyak \$103 juta. Bagi memastikan perkara ini dapat dikurangkan di masa akan datang, langkah-langkah berikut telah diambil oleh PETRONAS dan kontraktor-kontraktornya bagi tujuan mencegah kemalangan jiwa dan peralatan:-

- (i) memperkemas prosedur-prosedur keselamatan di pelantar-pelantar minyak selaras dengan tahap dan amalan antarabangsa.
- (ii) Menjalankan penyiasatan rapi terhadap setiap kemalangan dan menjalankan pemeriksaan-pemeriksaan berkala dan mengejut bagi mengurangkan kemalangan dan mengelakkan kejadian yang sama berulang;

- (iii) menjalankan kajian dan audit terhadap sistem keselamatan dari peringkat reka-bentuk sehinggalah ke peringkat rekabentuk pengendalian untuk mengurangkan kemalangan; dan
- (iv) pekerja-pekerja sub-kontraktor kepada kontraktor-kontraktor PETRONAS disyaratkan menjalani latihan keselamatan sebelum dibenarkan bekerja di pelantar minyak.

Untuk makluman Yang Berhormat, kecemerlangan rekod keselamatan industri petroleum Malaysia telah mendapat pengiktirafan antarabangsa. PETRONAS dan kontraktor-kontraktor telah beberapa kali mendapat anugerah antarabangsa kerana prestasi keselamatan mereka tinggi. Contohnya PETRONAS telah mendapat anugerah Pedang Keselamatan ataupun Safety Sword Awards, dengan izin, daripada British Safety Council sebanyak empat kali berturut-berturut sejak tahun 1983.

PETRONAS dan kontraktor-kontraktornya telah dan akan terus mengambil langkah pencegahan bagi mengurangkan kemalangan jiwa dan kerosakan harta benda di pelantar-pelantar minyak.

RUMAH SERI KENANGAN TANJUNG RAMBUTAN - BEKALAN UBAT

9. **Tuan G. Rajoo** minta menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan:
- (a) sama ada beliau sedar Rumah Seri Kenangan Tanjung Rambutan tidak dibekalkan dengan ubat untuk penghuni-penghuni sakit walaupun institusi ini mempunyai seorang pembantu hospital;
 - (b) sama ada keadaa begini, wujud di semua institusi Rumah Seri Kenangan negara ini, akibat kekurangan peruntukan membeli ubat; dan
 - (c) apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengelakkan keadaan begini tidak berulang pada masa hadapan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat [Tuan Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, bagi menjawab soalan (a), Rumah Seri Kenangan Tanjung Rambutan tidak dibekalkan dengan semua jenis ubat untuk penghuni kerana mereka yang sakit biasanya dirawat di Rumah Sakit yang berhampiran dan ubat-ubat yang ditetapkan oleh doktor bagi sesuatu penyakit seterusnya diperolehi dari hospital. Peruntukan juga diberi kepada institusi tersebut untuk membeli ubat-ubat "ringan" seperti Panadol dan sebagainya. Tugas pembantu perubatan yang ditempatkan di Rumah Seri Kenangan ialah untuk membantu dalam merawat dan melayan penghuni yang terlantar serta bertanggungjawab terhadap kesihatan penghuni keseluruhannya iaitu di bawah pengawasan doktor pelawat.

Untuk menjawab soalan (b), Keadaan seperti ini tidak wujud di semua institusi kerana bagi institusi yang jauh letaknya, dari Rumah Sakit Kerajaan peruntukan yang secukupnya disediakan untuk membeli ubat-ubat yang diperlukan.

Bagi soalan (c), sepertimana biasa, bagi tahun 1989, peruntukan disediakan bagi membeli ubat-ubat "ringan" dan ubat-ubat lain sekiranya diperlukan iaitu mengikut arahan doktor yang mengawas penghuni di Rumah Seri Kenangan.

SAYUR-SAYURAN LUAR NEGERI - PENGIMPORT

10. **Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada negara kita masih lagi mengimport sayur-sayuran dari luar negeri. Jika sayur-sayuran itu masih diimport, berapakah nilai yang kena bayar sehingga 30hb Oktober, 1988.

Timbalan Menteri Pertanian [Tuan Mohd Kassim bin Ahmed]: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia masih lagi mengimport sayur-sayuran segar dari luar negeri. Dalam tahun 1987, Malaysia telah mengimport lebih kurang 131,565 tan metrik sayur-sayuran bernilai \$105 juta. Bagi tempoh Januari hingga Ogos 1988, import sayur-sayuran yang sama adalah berjumlah 113,924 tan metrik dengan nilai \$113 juta.

Sayur-sayuran yang diimport adalah bawang kecil, bawang besar, bawang putih, kentang, kubis, halia dan lain-lain. Sayur-sayuran ini merupakan sayur-sayuran yang tidak dapat ditanam di Malaysia dengan menguntungkan atau bekalannya tidak mencukupi pada waktu tertentu.

Berdasarkan import tahun 1987, sumber bekalan sayur-sayuran tersebut adalah Taiwan, China, Australia, Indonesia dan Thailand.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya dua soalan. Yang pertama, tidakkah ada apa-apa ikhtiar boleh dibuat supaya Malaysia dapat mengadakan bahan-bahan sayuran seperti disebutkan tadi? Kalau di Indonesia boleh menghasilkan jenis-jenis sayuran yang dikehendaki oleh Malaysia, mengapa tidak usaha dibuat supaya kita dapat meningkatkan pengeluaran hasil-hasil sayuran terutamanya seperti bawang, kentang dan lain-lain yang disebutkan tadi?

Yang kedua, saya ingin bertanya bagaimanakah perkembangan sayur-sayur kailan dari Singapura yang telah diisytiharkan beracun? Adakah Kerajaan Malaysia atau kita di Malaysia menyedari keadaan ini?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua bagi soalan yang pertama, suka saya menyatakan di sini bahawa pihak Kementerian Pertanian berikhtiar sepenuh hati supaya kita dapat mengurangkan import sayur-sayuran daripada luar negeri. Soalnya, sebagaimana saya nyatakan di dalam jawapan saya tadi, setengah-setengah jenis sayuran itu tidak dapat tumbuh dengan eloknya di sini, tumbuh tetapi tidak begitu elok, tidak sesuai. Umpamanya garlic, kita cuba tanam di Perlis, didapati ianya kecil sangat, tidak menarik. Itulah sebabnya kita tidak berusaha dengan begitu gigih sekali memandangkan bahawa tanahnya tidak bersesuaian. Walau bagaimanapun, sebagaimana saya nyatakan tadi, kita akan terus berikhtiar supaya ianya dapat ditanam dengan sepenuhnya dan mungkin satu hari nanti tidak lagi kita mengimport daripada luar negeri. Buat masa ini lebih untung kita mengimport daripada kita menanam sendiri.

Yang kedua soalan Yang Berhormat berhubung dengan kailan. Ini benar sekali bahawa ianya disedari oleh Kerajaan dan mengikut telex yang dihantar oleh Singapura, sayur kailan ini didapati mengandungi apa yang dinamakan "organo phosphorus" iaitu campuran racun serangga "methamidophos" dan "profenofos" - hendak sebut pun pelik sedikit. Jadi, kita pada hari ini sedang menyiasat sama ada kita sepatutnya menjalankan suatu langkah tagging. Kita mengkaji sama ada sistem tagging patut dilaksanakan sebagaimana kita laksanakan di Cameron Highlands ini masih dalam kajian.

Suka saya nyatakan bahawa ramai juga rakyat memperkatakan bahawa sayur-sayuran kailan itu dihantar balik daripada Singapura ke Malaysia, ke Johor umpamanya, di mana perkara ini tidak benar. Kita telah menyiasat dan kita dapati semua sayur-sayuran itu dimusnahkan di sana - semua sekali, tidak sebatang pun, semuanya telah dimusnahkan oleh Singapura.

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan walaupun kita mengimport sayur-sayuran tetapi ada juga jenis sayur-sayuran kita yang kita eksportkan. Jadi, apakah jenis-jenisnya dan dari segi nilainya, berapakah dihasilkan daripada eksport sayuran kita ini?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita juga mengeksport sayur-sayuran kita ke luar negeri, umpamanya kubis Cameron Highlands, kita eksport ke luar negeri, Kai Lan kita eksport ke Singapura. Banyak sayur-sayuran yang kita eksport ke luar negeri tetapi sungguhpun kita eksport, kita juga mengimport. Kita mengkaji dari segi keuntungannya, pertama sekali kalau didapati tanah itu tidak sesuai untuk ditanam dengan sesuatu jenis sayuran, maka tentu sekali kalau kita tanam sekalipun, tidak dapat kita hendak eksport. Oleh sebab itu, kita mengimport. Inilah pertimbangan yang kita laksanakan pada setiap masa, yakni menilai kedua-dua sudut - keuntungan dan kerugiannya di kalangan rakyat kita sendiri.

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, soalan bahagian kedua, dari segi nilai yang kita perolehi daripada eksport sayur-sayuran kita, berapa kalau dibandingkan dengan yang diimport?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, itu saya memerlukan notis, sebab ini merupakan soalan yang spesifik.

KANTIN SEKOLAH - KAWALAN MAKANAN

11. **Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah tindakan yang akan diambil bagi mengawal keselamatan pemakanan di kantin-kantin sekolah setelah berlakunya peristiwa kematian kanak-kanak sekolah di Perak baru-baru ini.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' K. Pathmanaban]: Tuan Yang di-Pertua, Garis Panduan Kantin-kantin Sekolah yang telah wujud sejak tahun 1983 telah digunakan sebagai panduan oleh pihak sekolah-sekolah dalam memastikan makanan yang sesuai disediakan untuk

murid-mrid sekolah. Garis Panduan itu telah dikaji semula oleh Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan dan Garis Panduan yang baru akan dikeluarkan tidak lama lagi. Apabila Garis Panduan baru ini dipatuhi, maka ini dapat mengawal jenis dan mutu makanan yang dijual di sekolah dengan secara lebih teratur.

SISWAZAH MENGGUR

12. **Tuan V.K. Sellappan** minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah Kerajaan untuk menyelesaikan masalah pengangguran di kalangan siswazah khususnya dalam pengisian jawatan di Jabatan-jabatan Kerajaan memandangkan bahawa pihak Kerajaan telah membuka pengisian jawatan-jawatan penting dalam Jabatan-jabatan tersebut. Adakah dengan mengurangkan gaji permulaan di kalangan pegawai-pegawai Kerajaan akan dapat menambahkan lagi peluang-peluang pekerjaan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul]: Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah Kerajaan untuk menyelesaikan masalah siswazah menganggur telah beberapa kali dijelaskan di dalam Dewan yang mulia ini Oleh sebab itu saya tidak ada apa-apa maklumat tambahan untuk perkara itu.

Mengenai pengisian jawatan Kerajaan, sukalah saya menjelaskan bahawa pengisian jawatan Kerajaan tidak akan dapat membantu menyerapkan semua sekali siswazah-siswazah yang menganggur ini dan pengurangan gaji juga tidak akan membantu dalam soal memberi peluang-peluang pekerjaan tambahan kepada siswazah-siswazah menganggur ini kerana penambahan kakitangan Kerajaan adalah bergantung kepada keperluan Kerajaan dan kekosongan yang ada pada satu-satu ketika.

BAYARAN HOSPITAL BAGI KANAK-KANAK

13. **Tuan Azumu bin Tak** minta Menteri Kesihatan memberitahu sama ada kanak-kanak yang dimasukkan ke Wad I.C.U. disebabkan termakan makanan beracun kena membayar "bayaran hospital" ataupun semuanya percuma.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, kanak-kanak yang dimasukkan ke hospital, termasuk Wad I.C.U. akan dikenakan setengah daripada bayaran wad seperti yang dinyatakan di dalam Perintah Fee (Perubatan) 1982. Peraturan yang sama juga dikenakan kepada pesakit-pesakit kanak-kanak yang dimasukkan ke hospital kerana termakan racun.

Walau bagaimaapun, pesakit yang tidak mampu membayar untuk rawatan di Wad Kelas 3, boleh memohon pengecualian dari membayar bayaran itu.

DIPLOMAT MALAYSIA DI LUAR NEGERI

14. **Dr. Nawawi bin Mat Awin** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) adakah beliau berpuashati dengan mutu dan perkhidmatan pegawai-pegawai diplomatik di misi-misi kita di negara-negara asing, terutamanya dari segi penekanan terhadap lapangan ekonomi (berbanding dengan politik) dan juga meningkatkan dan mempertahankan imej Malaysia; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil atau dicadangkan untuk tujuan meningkatkan lagi mutu dan perkhidmatan profesional pegawai-pegawai tersebut.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri Luar Negeri.

Bagi menjawab bahagian (a), tugas-tugas dan tanggungjawab serta peranan yang dimainkan oleh para diplomat kita di luar negeri merangkumi berbagai-bagai bidang termasuklah di lapangan politik,

ekonomi, sosio-budaya, penerangan dan juga tugas-tugas yang berkaitan dengan hal ehwal konsular. Secara umumnya, dengan sumber tenaga yang ada dan bidang tanggungjawab yang luas itu, saya bangga dengan pencapaian para diplomat kita di seberang laut yang berupaya melaksanakan tugas-tugas mereka dengan berkesan. Imej Malaysia sebagai sebuah negara kecil yang sedang membangun sentiasa mendapat perhatian dunia. Para diplomat kita sentiasa peka terhadap meningkat dan mempertahankan imej negara di mana juga mereka bertugas.

Bagi menjawab bahagian (b), dalam beberapa tahun kebelakangan ini, penekanan telah diberi kepada para diplomat kita untuk memperluas dan mempertingkatkan aktiviti yang berkaitan dengan ekonomi.

Kementerian Luar Negeri telah mengenalpasti Kedutaan-kedutaan kita di seberang laut yang berpotensi, untuk mempertingkatkan pasaran dagangan dan eksport kita dan juga untuk menarik lebih banyak pelaburan asing.

Bagi Kedutaan-kedutaan ini, Kementerian Luar Negeri telah memberi peruntukan yang lebih supaya mereka dapat merancang dan melaksanakan program-program ekonomi dengan lebih berkesan.

Untuk makluman Dewan seterusnya, Kementerian Luar Negeri telah juga mengambil langkah mengarahkan semua Kedutaan di luar negeri untuk menyediakan satu perancangan program ekonomi di mana penekanan dibuat khusus ditumpu kepada meluaskan pasaran hasil-hasil dagangan kita dan juga untuk mendapatkan pelabur-pelabur asing melabur di Malaysia.

Dalam konteks ini peruntukan kewangan bagi Kedutaan kita di seberang laut akan diasas kepada program-program ekonomi yang akan dilaksana di samping aktiviti-aktiviti lain.

Saya juga ingin menegaskan bahawa usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian Luar Negeri di bidang ekonomi mendapat sokongan dan bantuan yang penuh dari beberapa agensi Kerajaan yang lain termasuklah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, MIDA dan juga Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, di mana agensi-agensi ini mempunyai pejabat masing-masing di seberang laut. Dalam pada itu sukalah saya menyatakan bahawa tanggungjawab ini tidaklah seharusnya terserah kepada para diplomat dan agensi-agensi Kerajaan di luar negeri, malahan usaha-usaha ini wajib mendapat sokongan padu dari

semua lapisan masyarakat termasuklah pihak swasta.

Saya juga ingin menyatakan bahawa pihak Kementerian Luar Negeri sentiasa mengawai keperluan-keperluan pegawai-pegawai untuk meningkatkan keupayaan serta potensi mereka bagi menghasilkan kerja yang bermutu.

KetnnerCerian Luar Negeri dengaa kerjasama Jabatan Perkhidmatan Awam menyediakan kemudahan untuk pegawai-pegawai mengikuti kursus-kursus lanjutan supaya mereka menjadi lebih profesional dalam menjalankan tugas mereka. Pegawai-pegawai yang terpilih diberi kemudahan untuk mengikuti kursus di peringkat Sarjana dan Kedoktoran. Walaupun peruntukan kewangan yang besar diperlukan untuk tujuan ini, namun pihak Kementerian Luar Negeri terpaksa menyediakan kemudahan-kemudahan ini demi mencapai tahap profesional yang tinggi, bagi pegawai-pegawai. yang berkhidmat di Kementerian Luar Negeri.

Saya ingin menegaskan bahawa tiap-tiap prestasi pegawai diukur dari segi produktiviti mereka dalam menghasilkan mutu kerja yang bertaraf tinggi, dan sumbangan mereka terhadap mencapai program-program yang telah dirancang oleh Kedutaan dan juga Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Dahalan bin Haji Embun.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua, ada pindaan sedikit di baris yang kedua iaitu berbunyi "dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada bandar-bandar", dipotong perkataan "sama" dan diganti dengan "memandangkan ada bandar-bandar".

KEMUDAHAN ASAS UNTUK ORANG RAMAI

15. **Tuan Dahalan bin Haji Embun** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan memandangkan ada bandar-bandar di negara-negara luar menyediakan tempat kemudahan asas (public amenities) untuk orang ramai, manakala bandar-bandar dalam negara kita, kemudahan ini tidak disediakan. Apakah rancangan Kementerian mengeai perkara ini terutama untuk Bandaraya Kuala Lumpur, Ipoh dan Penang.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji Hussein bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum daripada saya menjelaskan soalan ini dengan sepenuhnya, saya suka mengambil perhatian khusus kepada Yang Berhormat sahabat saya ini, bahawa Bandaraya Kuala Lumpur tidaklah terletak di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, ianya di bawah Bahagian Wilayah Persekutuan di Jabatan Perdana Menteri. Namun begitu, Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa Bandaraya Kuala Lumpur sentiasa dan sedang bukan sahaja sekadar menambahkan bilangan, tetapi keselesaan bagi kegunaan orang ramai di tempat-tempat kemudahan asas bagi orang-orang awam. Bahkan apa yang difahamkan kepada kita, Kuala Lumpur ialah merupai salah satu daripada ibukota, salah satu di antara yang boleh dibilang baik di dalam dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh di dalam masalah Bandar Ipoh dan Pulau Pinang serta bandar-bandar lain, memang bagi pihak Kementerian menyedari hakikat ini. Oleh yang demikianlah, bagi pihak Kementerian sentiasa menyalurkan peruntukan-peruntukan kepada Penguasa-penguasa Tempatan ini dan Perbandaran ini bagi menyediakan kemudahan-kemudahan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat **ini**. Sungguhpun begitu pelaksanaan ini bergantunglah kepada keadaan kemampuan kita dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya suka menegaskan rasa syukur dan bangga di dalam Dewan yang mulia ini bandar-bandar yang berada di dalam negara kita ini termasuklah Ipoh dan Pulau Pinang boleh dikatakan di antara bandar-bandar yang jauh lebih baik jika dibandingkan dengan setengah-setengah bandar-bandar lain yang ada di dalam dunia ini. Dan di dalam masalah ini sehingga sekarang dan Kerajaan akan meneruskan untuk mengadakan kemudahan-kemudahan awam ini khususnya menyediakan taman-taman rekreasi, menyediakan tandas-tandas awam, menyediakan perhentian-perhentian bas dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun begitu saya berharap di dalam untuk melengkapkan kemudahan-kemudahan asas bagi orang awam di bandar-bandar ini janganlah semata-mata mengharap kepada Kerajaan sahaja kerana bandar ini adalah kepunyaan bersama, kepunyaan seluruh rakyat. Oleh yang demikian, rakyat juga khususnya kepada bidang-bidang swasta boleh melibatkan diri bagi menyumbangkan, melaksanakan pembangunan kemudahan-kemudahan asas di dalam kawasan-kawasan perbandaran dan Penguasa-penguasa Tempatan.

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, saya kira mengenai dengan kemudahan-kemudahan asas ini kita tidak nafikan adanya kemudahan-kemudahan asas ini yang disediakan untuk kegunaan dan keselesaan orang ramai. Tetapi yang menjadi masalah selalunya ialah soal penjagaannya dengan izin, maintenance yang kadangkala menyebabkan walaupun ada kemudahan-kemudahan asas ini, tetapi oleh kerana tidak dijaga dengan baik tidak tahulah saya apa masalahnya, inilah soalan saya, iaitu mengapakah walaupun kita ada kemudahan-

kemudahaa asas ini baik taman rekreasikah, tandas awamkah dan sebagainya, kelihatan seolah-olah dia tidak dapat digunakan dengan cara yang sepatutnya kerana kerosakan, kekotoran dan sebagainya. Apakah yang menyebabkan ini dan apakah langkah-laangkah yang dirancang untuk mengatasi masalah maintenance ini tadi.

Datuk Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, segala pelaksanaan perancangan yang dilaksanakan oleh Kerajaan ada susulannya, dengan kata lain ada penjagaanya, tetapi ini bergantung kepada keadaan perimbangannya, di antara yang menjaga kebersihan dengan yang tukang buat kotor, di antara yang menjaga untuk kesempurnaan, yang tukang buat khianat, yang tukang buat rosak. Jadi akibat perimbangan inilah yang masih belum dapat dibasmikan sehingga menimbulkan keindahan-keindahan yang pada awalnya dilaksanakan menjadi tidak begitu indah.

Bagi mengatasi masalah ini selain daripada menambah kakitangan dan peralatan untuk menjaga pembangunan yang dibuat ini, juga bagi pihak Kerajaan dan Penguasa-penguasa Tempatan berusaha mengadakan kempen-kempen dan penerangan-penerangan kepada orang ramai, dengan kata lain untuk menyedarkan mentaliti pemikiran orang ramai di dalam masalah kepentingan hak-hak kemudahaa-kemudahan asas iai merupai hak bersama, ialah merupai satu faktor yaag amat penting dan langkah yang sedang dijalankan.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bahawa kemudahan asas seperti yang telah dijawab oleh Timbalan Menteri tadi memang Kerajaan berusaha untuk menambah, tetapi adakah Yang

Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kemudahan asas yang amat penting seperti tandas awam tidak mencukupi dalam bandar-bandar besar. Saya sebut demikian kerana ada pelancong-pelancong yang telah melawat ke Bandaraya Kuala Lumpur telah mengadu melalui akhbar bahawa mereka terpaksa meminjam tandas-tandas dalam restoran.

Datuk Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kita sedar itulah yang telah saya tegaskan tadi, kita akan melaksanakannya daripada semasa ke semasa, inipun bergantung kepada kemampuan kita daripada semasa ke semasa.

**HUBUNGAN DIPLOMATIK/PERDAGANGAN DENGAN SOVIET UNION/
CHINA/BLOK TIMUR**

16. **Tuan Hassan bin Harun** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:
- (a) sikap Kerajaan Malaysia mengenai dasar lebih terbuka dan liberalisasi negara-negara blok Timur, khususnya Soviet Union dan Republik Rakyat China yang sedang diamalkan sekarang;
 - (b) apakah Kerajaan akan mengambil kesempatan suasana ini untuk merapatkan hubungan diplomatik dan perdagangan; dan
 - (c) berapa banyakkah delegasi diplomatik dan perdagangan dihantar ke negara-negara blok Timur sepanjang tahun 1988 dan apakah kesannya.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya sekali lagi menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri Luar Negeri:

- (a) Kerajaan menyambut baik dasar terbuka dan liberal negara-negara blok Timur khususnya Soviet Union dan Republik Rakyat China yang diamalkan sekarang.
- (b) Kerajaan berpendapat bahawa dasar sedemikian telah membuka peluang untuk kita meningkatkan lagi hubungan dua hala, lebih-lebih lagi di dalam bidang perdagangan dan kerjasama ekonomi dengan negara-negara tersebut bagi kepentingan bersama.
- (c) Tahun 1988 telah menampakkan peningkatan lawatan diplomatik dan perdagangan di antara Malaysia dan negara-negara blok Timur. Lawatan dari Malaysia ke negara-negara tersebut termasuk lawatan-lawatan

pegawai Kerajaan untuk menghadiri kursus dan mesyuarat di beberapa buah negara blok Timur; lawatan Yang Berhormat Menteri Luar Negeri ke Yugoslavia dan Romania untuk menghadiri mesyuarat Suruhanjaya Bersama pada bulan Mac dan lawatan Timbalan Menteri Luar Negeri ke GDR pada bulan Oktober. Manakala dari negara-negara blok, Timur pula kita telah menerima lawatan Menteri Luar Poland pada bulan Mac, Timbalan Menteri Luar Soviet pada bulan April, Timbalan Perdana Menteri Soviet pada bulan Julai, Timbalan Menteri Perdagangan GDR pada bulan November, Menteri Luar Hungary pada bulan November dan Perdana Menteri Uzbek SSR baru-baru ini. Ini tidak termasuk lawatan beberapa pegawai tinggi Kerajaan yang hadir bagi tujuan mesyuarat dan sebagainya.

Pertukaran lawatan di peringkat tertinggi ini telah mendatangkan kesan yang positif terhadap hubungan dua hala antara Malaysia dan negara-negara tersebut. Ia bukan sahaja mengeratkan lagi hubungan dua hala yang sedia terjalin tetapi juga telah membuka peluang untuk Malaysia memperluaskan kerjasama khususnya di bidang ekonomi dan perdagangan dengan negara-negara berkenaan.

BERAS HANCUR - BEKALAN

17. **Tuan Tan Chai Ho** minta Menteri Pertanian menjelaskan sama ada pembekalan beras hancur kepada perusahaan-perusahaan makanan mencukupi atau tidak, kalau tidak, apakah langkah telah diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, bekalan beras hancur agak ketat sedikit pada masa ini berikutan daripada kejatuhan pengeluaran beras dari musim kedua yang lalu di Kedah dan Perlis dan meningkatnya permintaan beras hancur di pasaran tempatan oleh Pengusaha-pengusaha Kilang Tepong Beras dan pembuat-pembuat makanan daripada bahan tersebut seperti Bee Hoon dan sebagainya. Selain daripada itu oleh kerana beras hancur juga adalah merupakan hasil sampingan kepada kilang-kilang padi, maka mutu padi yang baik yang kurang menghasilkan beras patah akan menyebabkan kurangnya penghasilan beras hancur.

Bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan beras hancur buat sementara ini, LPN telah mengkaji untuk mengimport beras hancur bagi sejumlah yang perlu sahaja untuk dibekal terus kepada pengusaha-pengusaha kilang tepong beras dan pembuat-pembuat makanan tanpa menjejaskan pasaran beras hancur keluaran tempatan.

SYARIKAT INSURANS

18. **Tuan C. Krishnan** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah kemajuan siasatan Bank Negara terhadap Syarikat-syarikat Insurans sehingga 31.10.1988:-

- (a) setakat ini adakah Bank Negara mensyaki sebarang penyelewengan di syarikat-syarikat insurans; dan
- (b) adakah Bank Negara mencadangkan untuk mengeluarkan satu kenyataan penuh mengenai siasatan atas syarikat-syarikat Insurans bagi kepentingan orang ramai.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]:

Tuan Yang di-Pertua:-

(a) Sehingga 31hb Oktober, 1988 Bank Negara telah menjalankan pemeriksaan ke atas 12 buah syarikat insurans. Dalam pemeriksaan-pemeriksaan yang telah dijalankan itu pihak Bank Negara tidak mendapati sebarang penyelewengan yang dilakukan oleh syarikat-syarikat insurans. Bagaimanapun, Bank Negara telah dapat mengenal pasti beberapa amalan yang menyalahi peraturan yang dilakukan oleh setengah-setengah syarikat insurans tersebut, dan amalan-amalan itu adalah sebagaimana berikut:-

- (i) Sebilangan pegawai utama ataupun principal officers; dengan izin, dan pegawai eksekutif syarikat-syarikat insurans mempunyai kuasa pengurusan yang luas dan Lembaga Pengarah syarikat tidak melaksanakan pengawalan yang berkenan ke atas pihak pengurusan. Ini memberi kesempatan kepada mereka untuk menyalahgunakan kuasa yang tersebut di atas dengan melakukan amalan-amalan bagi kepentingan diri sendiri.
- (ii) Beberapa syarikat didapati terlibat di dalam urusanniaga jaminan kewangan, dengan izin, financial guarantees, tanpa mengambil kira penilaian kredit dan security yang men-

cukupi. Akibat daripada tindakan ini beberapa syarikat insurans telah menghadapi kesulitan kewangan.

- (iii) Beberapa syarikat juga didapati telah melanggar peruntukan-peruntukan Akta Insurans seperti memberi pinjaman dan pendahuluan atau kemudahan kredit kepada Pengarah dan syarikat induk tanpa mendapat kelulusan terlebih dahulu dari Ketua Pengarah insurans.
- (i) Terdapat juga syarikat-syarikat insurans yang memberi faedah-faedah sampingan ataupun perka dan perbelanjaan perjalanan yang berlebihan kepada eksekutif-eksekutif yang kanan yang sengaja diadakan untuk mengelakkan daripada bayaran cukai pendapatan.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Bank Negara sedang mengambil langkah-langkah tegas bagi menghapuskan amalan-amalan tersebut termasuk merujukkannya kepada pihak Polis untuk siasatan dan tindakan lanjut.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemeriksaan ke atas syarikat-syarikat insurans adalah merupakan amalan biasa bagi memenuhi peranan pengawasan yang dipertanggungjawabkan kepada Bank Negara. Kenyataan penuh mengenai siasatan tersebut tidak akan dikeluarkan kerana ia adalah dibuat secara rahsia sejajar dengan peruntukan Seksyen 18(1) Akta Insurans 1963.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudahpun cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 19 hingga 40 adalah

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1989****Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," (12hb Disember, 1988)

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kementarian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk memberi jawapan bagi pihak dua lagi Kementerian yang lain. Silakan Yang Berhormat.

3.37 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji Hussein bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah saya memohon izin di dalam Dewan ini pada hari semalam, saya mohon menjawab bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri. Saya bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat atas pandangan atau cadangan mengenai perkara-perkara yang berkait dengan Kementerian Dalam Negeri semasa perbahasan atas dasar-dasar Belanjawan 1989. Saya akan cuba menjawab teguran-teguran itu secara ringkas.

Yang Berhormat Senator Ainon Ariffin mengesyorkan supaya Kerajaan bertindak tegas ke atas kumpulan Al-Arqam kerana dikatakan pemimpinnya terang-terang sudah menyeleweng daripada akidah keislaman. Mengenai ini sukalah saya jelaskan bahawa semua orang memahami iaitu Al-Arqam adalah sekumpulan pergerakan yang menjalankan kerja-kerja dakwah Islamiah. Dalam hal ini enakmen pentadbiran agama Islam negeri-negeri memberi kuasa kepada pihak berkuasa agama Islam negeri mengambil tindakan terhadap sesiapa sahaja orang Islam yang

mengajar atau menyebarkan ajaran yang bertanggungjawab dengan hukum syarak. Walaupun perkara ini di dalam bidang kuasa pihak berkuasa agama Islam Negeri-negeri, Kementerian Dalam Negeri sentiasa memberi perhatian kepada kumpulan Al-Arqam. Kerajaan akan bertindak tegas bila kegiatannya mengancam ketenteraman awam dan keselamatan negara.

Yang Berhormat Senator Rokiah Zainuddin mengesyorkan supaya Kementerian mengambil tindakan tegas ke atas Al-Arqam kerana menerbitkan buku Aurat Muhammadiyah dan menghalang petikan-petikannya daripada disiarkan di dalam majalan-majalah.

Mengenai ini, seperti Yang Berhormat sedia maklum, Jabatan Agama Islam Negeri-negeri telahpun mengharamkan buku Aurat Muhammadiyah pegangan Darul Al-Arqam karya Haji Shaari Muhammad Suhaimi bin Abdullah.

Kementerian Dalam Negeri sentiasa memberi perhatian, kepada penggunaan petikan-petikan dari buku yang diharamkan itu, dan akan mengambil tindakan sewajarnya termasuk ke atas pengedar atau pemilik buku yang diharamkan itu.

Yang Berhormat Sanator Rokiah Zainuddin juga mencadangkan supaya Kementerian Dalam Negeri menarik balik permit akhbar Watan dan Harakah kerana dikatakan kandungannya mengkritik Kerajaan dan menyokong kumpulan semangat 46 dan parti Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai ini dimaklumkan bahawa Kerajaan tidak sekali-kali akan menarik balik permit akhbar kerana semata-mata akhbar itu mengkritik Kerajaan. Ini sejajar dengan dasar kebebasan berakhbar di negara ini. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa memberi perhatian dan akan bertindak tegas ke atas akhbar-akhbar yang melanggar undang-undang dan peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa.

Yang Berhormat Senator Hassan Nam mencadangkan supaya Kementerian Dalam Negeri menyelaraskan segala elaun kepada Batin-batin atau Ketua-ketua Kampung Orang asli supaya seimbang dengan skim-skim elaun yang dinikmati oleh ketua-ketua kampung orang-orang Melayu. Mengenai hal ini dimaklumkan bahawa Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telahpun menjalankan kajian dan Kementerian Dalam Negeri sedang mengambil tindakan dengan agensi-agensi di pusat yang berkenaan.

Yang Berhormat Senator Hassan Nam juga menyentuh mengenai kelambatanewartakan tanah-tanah reserve orang-orang Asli dan meminta perangkaan jumlah tanah-tanah yang telah diluluskan dan diwartakan sebagai reserve Orang-orang Asli sejak tahun 1919 sehingga 1987. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, perwartaan tanah-tanah rezab Orang-orang Asli adalah dalam bidangkuasa Kerajaan-kerajaan Negeri berkenaan. Walau bagaimanapun, Kementerian Dalam Negeri sentiasa memberi perhatian ke atas masalah ini termasuklah mengambil tindakan susulan dengan pihak berkuasa Kerajaan Negeri berkenaan. Mengenai permintaan perangkaan tanah yang direservekan itu memandangkan tempoh yang begitu lama maka sudah tentu memerlukan masa yang agak lama jua untuk pemeriksaan rekod-rekodnya. Dengan itu tidaklah dapat saya membentangkan di

sini. Yang Berhormat bolehlah memohonnya secara bertulis.

Yang Berhormat Senator Azman Atar dan juga Yang Berhormat Senator Azumu Tak menyentuh mengenai kegiatan tokoh-tokoh politik yang dikenalpasti dari golongan UMNO yang mengakui pejuang politik 46. Tokoh-tokoh tersebut dikatakan mengadakan ceramah-ceramah politik di majlis-majlis berbentuk jamuan hari jadi atau Maulid Nabi dan sebagainya. Berkaitan dengan perkara ini, Kementerian Dalam Negeri sedar bahawa adanya majlis-majlis kenduri kesyukuran dan jamuan makan malam telah menjadi tempat ceramah politik. Kementerian sentiasa memberi perhatian perkembangan ini dan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan mengikut undang-undang sekiranya tindak-tanduk mereka itu boleh mengancam keselamatan dan ketenteraman awam.

Yang Berhormat Senator Dr Chong Eng Leong membangkitkan masalah pendatang haram di Sabah. Dikatakan bilangan pendatang haram di Sabah hampir-hampir sama ramai dengan penduduk tempatan. Beliau mengesyorkan supaya Kerajaan mengambil tindakan serius bagi menyelesaikan masalah ini. Mengenai isu pendatang haram, sememangnya Kerajaan Persekutuan tidak mengabaikan tanggungjawabnya. Kerajaan sentiasa memberi perhatian yang serius ke atas masalah pendatang haram di Sabah.

Yang Berhormat Senator Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim mencadangkan supaya ditambah bilangan anggota Polis Wanita. Bilangan anggota Polis Wanita akan ditambah sekiranya keadaan memerlukannya. Mengenai cadangan Yang Berhormat Hajjah Salbiah lagi supaya ditambah bilangan warder penjara. Dimaklumkan bahawa bilangan warder penjara akan ditambah. Iklan pengambilan telah dikeluarkan pada hari Ahad 10hb Disember, 1988. Seramai 1,259

warder penjara akan diambil di dalam pengambilan itu. Saya berharap Ahli Yang Berhormat akan mengambil perhatian bagi dimaklumkan kepada orang ramai.

Yang Berhormat Senator V.K. Sellappan menyentuh mengenai masalah penyalahgunaan dadah di Malaysia. Di antara lain Yang Berhormat mencadangkan supaya diperbanyakkan bilangan anggota polis untuk mencegah penyalahgunaan dadah. Mengenai ini keanggotaan pasukan Polis untuk membasmi penyalahgunaan dadah sentiasa diberi perhatian dan akan ditambah jika keadaan memerlukannya.

Yang Berhormat juga sekali lagi mencadangkan supaya dipertingkatkan kemahiran pegawai-pegawai pemulihan di pusat-pusat pemulihan dadah. Mengenai ini, Kementerian Dalam Negeri menjalankan pelbagai program ke arah mempertingkatkan kemahiran pegawai-pegawai pemulihan dadah. Di antaranya melalui pengambilan pegawai-pegawai yang sesuai dengan tugas pemulihan penagih dadah. Mengadakan kursus-kursus di dalam perkhidmatan, menghantar pegawai-pegawai menghadiri kursus-kursus lanjutan di dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan tugasnya.

Mengenai cadangan Yang Berhormat juga supaya bekas-bekas penagih diberi peluang pekerjaan yang sesuai dengan kemahiran yang diperolehi semasa di pusat-pusat pemulihan. Kerajaan sememangnya berusaha mencari pekerjaan kepada bekas-bekas penagih sesuai dengan kemahiran yang ada pada mereka.

Yang Berhormat Senator Haji Syed Abdul Hamid Sagaff mengesyorkan supaya Jabatan Imigresen mengenakan syarat-syarat yang lebih ketat untuk menguasai kemasukan pendatang-pendatang haram. Peraturan mengenai kemasukan orang-orang asing ke Malaysia sekarang adalah memadai. Masalah yang timbul adalah disebabkan oleh

pendatang tanpa izin memasuki negara ini tidak melalui pintu masuk yang diwartakan, yang dikawal oleh pegawai Imigresen. Keadaan pantai negeri ini yang panjang tidak memungkinkan pihak berkuasa Imigresen mengawalinya di sepanjang pantai dan sempadan. Walau bagaimanapun, dengan kerkjasama agensi-agenai Kerajaan yang lain seperti PDRM dan TLDM, rondaan sentiasa dibuat di perairan dan kawasan sempadan untuk mencegah kemasukan pendatang-pendatang tanpa izin.

Yang Berhormat juga meminta Kementerian Dalam Negeri menyiasat bagaimana terdapat 20 orang wanita Thai boleh sampai berada di Kluang. Perkara ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat tidaklah dapat disiasat kerana maklumat-maklumat tidak lengkap. Kementerian Dalam Negeri mengakui memang sedang terdapat wanita-wanita Thai yang masuk ke Malaysia sama ada secara sah atau sebaliknya. Dan di antara mereka pernah ditangkap oleh pihak berkuasa Imigresen di negeri Johor kerana menjalankan kegiatar yang tidak bermoral khasnya di dalam bidang pelacuran. Tindakan yang tegas telah dan akan diambil kepada mereka yang terlibat mengikut peruntukan-peruntukan yang ada di dalam Akta Imigresen. Sekian sahaja ulasan saya di atas teguran dan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat. Mana-mana teguran atau pandangan yang tidak dijawab akan juga diberi perhatian oleh Kementerian Dalam Negeri,

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi sebagaimana yang telah saya pohonkan saya juga memohon izin untuk menjawab bagi pihak Kementean Kehakiman.

Saya suka mengucapkan terima kasih kepada Senator-Senator yang telah memberi pandangan-pandangan dan teguran-teguran di atas dasar-dasar dan masalah di bawah bidangkuasa Kementerian Kehakiman di antara perkara-perkara yang penting disentuh boleh Ahli Yang Berhormat ialah mengenai kes tertangguh dan penggunaan Bahasa Malaysia.

Mengenai kes tertangguh di antara tindakan-tindakan ialah Yang Berhormat Senator-Senator akan diingat bahawa Kerajaan telahpun meminda Akta tertentu dan telah dilaksanakan di Semenanjung Malaysia mulai 1hb Ogos, 1987, dan di Sabah dan Sarawak mulai 1hb September, 1987. Akta ini adalah untuk membolehkan kes-kes yang jumlah tuntutan sibil \$100 ribu ke bawah dipindahkan daripada Mahkamah Tinggi ke Mahkamah Sesyen. Jumlah tuntutan sibil dibawah \$25,000 dipindahkan daripada Mahkamah Sesyen ke Mahkamah Majistret.

Dan semua tuntutan sivil bernilai \$3,000 dikendalikan oleh Mahkamah Majistret Kelas Dua. Majistret Kelas Dua adalah Pendaftar Mahkamah Rendah yang tidak berkelulusan undang-undang. Dengan ini kes-kes yang sedang dan ringan boleh diselesaikan oleh mereka ini dan ianya akan mengurangkan beban di peringkat Mahkamah Majistret di mana bilangan besar kes-kes tertangguh telah terkumpul.

Bilangan hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret juga telah ditambah. Kerajaan telahpun memberikan kelulusan untuk mewujudkan jawatan-jawatan seperti berikut:

- (1) 4 Hakim Mahkamah Sesyen mulai 1.11.1988.
- (2) 10 lagi jawatan Hakim Mahkamah Sesyen mulai 1.1.1989.
- (3) 13 jawatan Majistret mulai 1.1.1989.
- (4) 13 jawatan Majistret mulai 1.6.1989.

Selain daripada itu, sejumlah 338 kakitangan sambilan untuk memberi khidmat sokongan di dalam pentadbiran mahkamah telah diluluskan. Di peringkat Mahkamah Tinggi pula untuk mengatasi kekurangan Hakim, tiga Pesuruhjaya Kehakiman telah dilantik pada 1hb Disember, 1988. Di samping usaha-usaha yang disebutkan tadi, Kerajaan juga sedang merancang dan mulai 1.1.1989 akan melaksanakan sistem litaran.

Berkenaan dengan penggunaan Bahasa Malaysia di mahkamah-mahkamah sepertimana Yang Berhormat Senator-senator telah maklum, usaha-usaha menggalakkan penggunaan Bahasa Malaysia di mahkamah telah lama dimulakan sejak tahun 1967 lagi. Sebagai langkah terakhir pada awal 1988, sebuah Jawatankuasa Induk bagi mengkaji dan

mencari jalan dengan matlamat menggunakan Bahasa Malaysia secara keseluruhannya di semua peringkat di mahkamah telah ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Yang Amat Arif Hakim Besar Malaya. Dengan usaha ini adalah diharapkan pada awal tahun 1990 sekurang-kurangnya Bahasa Malaysia boleh digunakan sepenuhnya di peringkat Mahkamah Rendah.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, terlebih dahulu saya ingin memaklumkan dan juga merakamkan berbanyak-banyak terima kasih kepada sahabat-sahabat saya Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1989 yang berkaitan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, sahabat saya Yang Berhormat Tuan Mustafa Awang ada membincangkan Belanjawan dan telah menegur bahawa Jabatan Perancang Bandar dan Desa membuat satu perancangan dengan sewenang-wenangnya mengakibatkan pemusnahan bandar dan setengah daripada tanahnya tidak dapat digunakan. Teguran ini adalah mengelirukan dan mungkin tidak tepat kerana tidak ada sokongan dan bukti-bukti yang jelas dan nyata.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Perancang Bandar dan Desa bertanggungjawab untuk merancang bagi memaju dan mengukuhkan sistem perancangan fizikal, sosio-ekonomi dan alam sekitar di kawasan bandar dan desa bagi menjamin keselesaan dengan hasrat Kerajaan terutama sekali Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan kehendak Akta Perancang Bandar dan Desa 1976, Jabatan Perancang Bandar dan Desa sehingga kini telah menyiapkan 13 pelan sektor dan 4 pelan tempatan manakala 17 kajian lagi yang melibatkan 37 pihak berkuasa tempatan kini dalam beberapa peringkat penyediaan. Adalah dijangkakan kesemua 91 pihak

penguasa tempatan di Semenanjung Malaysia akan mempunyai perancangan sektor masing-masing pada akhir tempoh Rancangan Malaysia Keenam.

Di samping itu, Jabatan juga terlibat menyediakan pelan perancangan wilayah, pelan-pelan kampung tradisi, kampung-kampung baru dan juga pelan-pelan lengkap bagi pusat-pusat bandar, tempat-tempat tarikan pelancong dan pengindahan jalan-jalan utama dan pantai. Di dalam usaha merancang dan menyediakan pelan-pelan itu, Jabatan senantiasa berpegang teguh kepada mutu kepakaran profesionalisme yang tinggi.

Perancangan sesuatu bandar melibatkan kajian-kajian termasuklah kependudukan, pekerjaan, perumahan, kediaman dan pusat-pusat bandar, sosio-ekonomi, kemasyarakatan dan kemudahan-kemudahan awam, juga alam sekitar, guna tanah dan sebagainya. Sektor-sektor ini dipertimbangkan bagi menghasilkan, satu pelan bandar yang efektif praktikal, selesa, dinamik dan sesuai dengan hasrat dan aspirasi rakyat dan Kerajaan. Sudah pastilah di dalam merancang dan mencapai objektif ini akan terdapat lot-lot tanah yang dikhususkan untuk padang permainan, hospital dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang dibangkitkan oleh sahabat saya Yang Berhormat Tuan Mustafa Awang berhubung dengan tanah di Jalan Sanggol, Kuala Terengganu tidak dapat diberikan jawapan yang terperinci kerana tidak ada butir-butir secara detail yang telah diberikan oleh Ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat diminta memberikan butir-butir lanjut agar penjelasan yang lebih detail berhubung dengan permohonan ini dapat dijelaskan. Walau bagaimanapun, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kuala

Tarengganu telahpun mempunyai pelan rancangan strata dan pelan parparitan. Mengikut pelan ini Jalan Banggol telah dikenalpasti sebagai jalan utama yang perlu diperbesarkan kepada 80 kaki bagi menampung keperluan lalu-lintas, perparitan dan juga tempat letak kereta. Berasaskan kepada keperluan inilah maka permohonan-permohonan tanah di Jalan Banggol terpaksa diundur ke belakang atau, dengan izin, set back, dan kemungkinan permohonan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi mempunyai lot yang kecil yang perlu dicantum dan setelah di'set-back'kan maka berkemungkinanlah ia tidak dapat menampung 4 pintu kedai yang disebutkan. Walau bagaimanapun, jika butir lanjut berhubung dengan permohonan ini dapat dikemukakan pihak Jabatan Perancang Bandar dan Desa di bawah Majlis Perbandaran Kuala Terengganu boleh memberikan penjelasan akan bagaimana tanah ini dapat dimajukan

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator A. Sivalingam telah membangkitkan beberapa perkara mengenai pajak gadai semasa perbahagian beliau atas Rang Undang-undang Perbekalan 1989. Saya ingin memberikan penjelasan seperti berikut. Sahabat saya ini telah menyentuh bahawa kadar faedah di atas barang-barang pajakan adalah tinggi. Untuk makluman saudara Yang Berhormat, kadar bayaran faedah sebanyak 2% sebulan atau sebahagiannya dengan bayaran pengendalian atau, dengan izin, handling charges sebanyak 50 sen bagi setiap pinjaman lebih daripada \$10 adalah ditetapkan berdasarkan Peraturan 12 Peraturan-peraturan Pemegang Pajak Gadai 1972. Contohnya, jika seorang pemajak menerima sebanyak \$100, peminjam daripada kedai pajak gadai beliau hanya perlu membayar \$2 sebulan sebagai faedahnya. Saya berpendapat bahawa bayaran faedah sebanyak 2% sebulan tidaklah tinggi.

Mengenai tuntutan Ahli Yang Berhormat bahawa barang-barang yang digadai diberikan nilai yang rendah apabila peminjam diberikan pinjaman, saya suka menjelaskan di sini bahawa setiap kedai pajak gadai ada kriteria-kriterianya untuk menentukan nilai pinjaman. Sebelum sesuatu pinjaman dikeluarkan, tuan punya pajak gadai akan timbang berat barang sebelum menentukan sesuatu pinjaman. Jumlah pinjaman yang akan dibayar oleh tuan pajak gadai adalah bergantung dengan nilai barang dan kedudukan kewangan sesuatu kedai pajak gadai itu.

Kementerian saya tidak boleh campur tangan dalam perkara ini. Yang Berhormat juga telah menegur atas resit gadaian yang ditulis dengan kurang jelas dan menggunakan bahasa yang tidak difahami.

Menurut Peraturan 6(2), Peraturan-peraturan Pemegang Pajak Gadai, 1972; resit atau tiket pajak gadai mestilah dikeluarkan di dalam Bahasa Kebangsaan iaitu Bahasa Malaysia dengan diterjemahkan di dalam bahasa Cina, bahasa Tamil atau bahasa Inggeris, hanya atas permintaan seseorang pemajak. Jadi, jika seseorang awam keturunan India berkehendakkan resit atau tiket pajak gadai di dalam bahasa Tamil adalah wajib bagi sesuatu kedai pajak gadai mengeluarkan resit di dalam Bahasa Kebangsaan dengan terjemahnya di dalam bahasa Tamil.

Yang Berhormat telah merujukkan kes-kes yang melanggar peraturan ini ke Kementerian ini untuk tindakan. Mengenai teguran Yang Berhormat bahawa berat barang-barang gadaian menjadi kurang selepas ditebus, adalah dimaklumkan bahawa Akta dan Peraturan-peraturan Pemegang Pajak Gadai tidak mewajibkan sesuatu kedai pajak gadai mencatat berat atau panjang rantai dan sebagainya di dalam tiket pajak gadai, kecuali jenis atau bentuk barang-barang seperti cincin, gelang dan rantai. Jadi jikalau ada kes di mana berat barang-barang menjadi kurang selepas ditubus, Yang Berhormat bolehlah merujukkan kes-kes sedemikian ke Kementerian ini. Pegawai-pegawai Kementerian boleh memanggil kedua-dua belah pihak untuk perundingan dengan tujuan mencari penyelesaian masalahnya. Maka pemajak berkenaan bolehlah membawa kes ini ke mahkamah.

Berhubung dengan teguran Yang Berhormat mengenai tarikh lelong tidak diberitahu kepada pemilik, saya suka maklumkan bahawa menurut Peraturan 7(d) Peraturan-Peraturan Pajak Gadai 1972, sebelum sesuatu pelelongan dijalankan oleh Pelelong Berlesen, adalah wajib bagi tuan punya pajak gadai memberitahu secara "surat berdaftar" kepada semua pemilik yang berkenaan atas tarikh, masa dan tempat pelelongan, sekurang-kurangnya 7 hari sebelum pelelongan ini diadakan. Jika ada mana-mana kedai pajak gadai yang tidak mematuhi undang-undang ini, Ahli Yang Berhormat bolehlah merujuk kes-kes seperti ini kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk disiasat.

Mengenai teguran Yang Berhormat bahawa kebanyakan lelong hanya diiklankan di dalam akhbar-akhbar bahasa Inggeris dan bahasa Cina, sedangkan kebanyakan daripada peminjam adalah orang-orang Melayu dan India. Saya suka maklumkan bahawa Pelelong Berlesen bolehlah menggunakan budibicaranya untuk menyiarkan kenyataan pelelongan dalam mana-mana akhbar. Walau bagaimanapun, Kementerian ini akan menasihatkan semua Pelelong-pelelong Berlesen supaya menyiarkan kenyataan pelelongan di dalam akhbar-akhbar berbahasa Malaysia dan bahasa Tamil juga, selain daripada bahasa Inggeris dan bahasa Cina.

Saya suka mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator atas beberapa teguran mengenai pajak gadai. Walau bagaimanapun, Kementerian saya akan mengambil langkah-langkah untuk mewartakan lebih ramai pegawai-pegawai di peringkat negeri sebagai Merinyu Pajak Gadai supaya tindakan pengawasan dan penguatkuasaan boleh dipertingkatkan demi menjaga kepentingan orang awam.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Azumu Tak dan

juga Yang Berhormat Puan Salbiah ada membuat teguran mengenai pembinaan Balai-balai Bomba di kawasan-kawasan bandar. Suka saya menjelaskan bahawa pembinaan Balai-balai Bomba adalah berdasarkan beberapa kategori tertentu seperti kawasan kepadatan penduduk yang tinggi, risiko kebakaran yang tinggi, kedudukan rekabentuk bangunan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pembinaan Balai-balai Bomba di kawasan-kawasan bandar ialah kerana kawasan bandar mempunyai risiko kebakaran yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan kawasan-kawasan di luar bandar. Bagi sesuatu pusat bandar, Balai Bomba akan ditempatkan di kawasan-kawasan yang membolehkan kereta-kereta Bomba dapat sampai ke sesuatu tempat kebakaran di antara 5-7 minit.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kedudukan Balai Bomba di Ipoh, dimaklumkan bahawa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Jabatan Perkhidmatan Bomba Semenanjung sememangnya bercadang untuk memindahkan balai tersebut ke suatu kawasan yang lebih sesuai. Malangnya, cadangan ini masih belum dapat dilaksanakan. Cadangan supaya menggunakan tapak Balai Bomba ini untuk tujuan perdagangan adalah di luar bidang kuasa Kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, teguran Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Azumu Tak bahawa peruntukan Kerajaan Persekutuan untuk membiayai penyelenggaraan jalan-jalan di Majlis-majlis Tempatan yang tidak mencukupi adalah benar. Walau bagaimanapun memandangkan keadaan ekonomi yang belum pulih sepenuhnya, Kerajaan masih belum dapat memberikan peruntukan tambahan kepada projek-projek tersebut. Ia akan dikaji dari masa ke semasa.

Sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua sahabat-sahabat saya Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah berucap membahaskan Anggaran Belanjawan 1989 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Semua teguran Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak sempat dijawab akan juga diambil perhatian oleh Kementerian ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan untuk memberi jawapan. Dipersilakan.

4.07 ptg

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan, 1989, beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh beberapa perkara mengenai Kementerian Penerangan dan Jabatan-jabatan di bawahnya. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Berhormat berkenaan atas pandangan-pandangan yang diberi dan saya mohon izin untuk memberi jawapan secara umum mengenai perkara-perkara itu.

Ahli Yang Berhormat Senator Douglas Sullang anak Ganda telah menyentuh tentang siaran perkhidmatan radio bahasa suku kaum Iban. Sukacita saya menyatakan RTM dari masa ke semasa mengemas kinikan dan menyusun semula program-programnya sejajar dengan matlamatnya untuk mendidik, memberi penerangan dan memberi hiburan kepada para pendengar dan para penonton. RTM akan terus mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk membaiki siaran radio yang sedia ada termasuk perkhidmatan siaran Iban.

Mengenai kakitangan perkhidmatan Iban Kerajaan akan mengambil

langkah untuk memperseimbangkan tenaga dengan tugas bagi membolehkan RTM menemui objektif-objektif yang dinyatakan di atas.

Berkenaan dengan penempatan pegawai perkhidmatan tersebut, saya ingin maklumkan dalam usaha integrasi siaran Rangkaian Nasional disiarkan di seluruh negara termasuk Sarawak, bahan-bahan siaran melalui Siaran Nasional adalah sama penting kepada semua kaum dan suku kaum dan dapat diguna dalam siaran perkhidmatan Iban.

Berkaitan dengan perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim, Jabatan Penerangan sentiasa mengadakan kursus-kursus sivik dan lain-lain perkhidmatan penerangan di kawasan-kawasan pendalaman dan kampung. Semua kegiatan Jabatan Penerangan adalah sejajar dengan matlamatnya untuk memberi penerangan kepada rakyat jelata tentang dasar-dasar Kerajaan dan aktiviti-aktivitinya.

Semua aktiviti-aktivitinya adalah dirancang terlebih dahulu bagi memenuhi tuntutan-tuntutan dan kehendak-kehendak orang ramai dari segi maklumat dan penjelasan terhadap isu-isu semasa. Oleh kerana itu Jabatan Penerangan akan terus menjalankan kegiatan-kegiatannya khususnya di kawasan-kawasan di mana penduduk belum lagi memahami dasar-dasar dan tindakan-tindakan Kerajaan,

Berkaitan dengan pembaharuan kontrak pegawai-pegawai bahagian khas Jabatan Penerangan, Kementerian ini sedang membuat kajian supaya pembaharuan perlantikan mereka dibuat dua tahun sekali dibanding dengan setiap tahun seperti yang dibuat sekarang.

Berkenaan dengan perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat Senator C. Krishnan mengenai Tumpuan Minggu, bahan-bahan mengenai pembangunan negara dan informasi-informasi lain untuk kaum India telahpun dimuatkan dalam Berita Tamil. RTM sentiasa mengambil langkah untuk memperbaiki lagi, supaya penyampaian maklumat-maklumat tersebut adalah lebih berkesan.

Mengenai siaran FM, RTM memang sedang berusaha untuk memperluaskan perkhidmatan FM Mono kepada semua rangkaian termasuk Rangkaian Merah. Siaran ujian Rangkaian Merah dalam FM Mono telah diadakan selama 2 bulan. Hasil-hasil daripada ujian tersebut sedang dikaji dan lanjutan FM Mono kepada siaran Rangkaian Merah akan dibuat pada masa yang sesuai.

Mengenai TV3, ianya adalah sebuah syarikat stesen penyiaran swasta yang dasar-dasarnya ditentukan oleh sebuah Lembaga Pengurus. Ia hanya perlu takluk kepada Akta Telekom 1950 dari segi kebenaran berfungsi dan Akta Penyiaran 1987 dari segi kawalan isi rancangan-

nya. Soal sama ada TV3 mahu menyiarkan Berita dalam bahasa Tamil ataupun tidak, terserahlah kepada TV3 sendiri. Kerajaan hanya boleh meminta supaya ia menyiarkan Berita dalam bahasa Malaysia sahaja.

Sekian sahaja perkara-perkara yang dibangkitkan berhubung dengan peranan dan tugas Kementerian Penerangan ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan. untuk memberi jawapan. Silakan.

4.13 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan
[**Tuan Abdul Raman bin Suliman**]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi cadangan, pendapat serta teguran-teguran yang membina terhadap isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan dalam perbahasan di atas dasar am Belanjawan 1989.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Tiong Hiew King menyatakan bahawa Kementerian kurang memberi publisiti mengenai tempat-tempat tarikan pelancongan di Sarawak dan ini menyebabkan kurang pelancong asing datang ke Sarawak. Sukalah saya menyatakan di sini bahawa di dalam memasarkan Malaysia sebagai satu destinasi pelancongan di luar negeri, Kementerian melalui Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia telah menjalankan aktiviti-aktiviti pemasaran yang menyeluruh. Aktiviti-aktiviti ini dilaksanakan di pasaran-pasaran berpotensi yang telah dikenalpasti bagi memastikan bahawa

pulangannya adalah sejajar dengan perbelanjaan yang dilakukan dan selaras dengan kehendak pembangunan industri pelancongan negara.

Kempen pengiklanan Kementerian di pasaran-pasaran luar negeri ada menonjolkan aspek-aspek tarikan pelancongan di negara kita seperti pantai yang bersih, gunung-ganang yang menghijau, taman negara yang penuh dengan flora dan fauna serta kebudayaan yang berbilang kaum. Di dalam hampir kesemua kempen pengiklanan ini, aspek-aspek daya tarikan negeri termasuk negeri Sarawak juga tidak ketinggalan. Kehidupan di rumah panjang, misalnya, kebudayaan kaum-kaum di Sarawak dan berbagai lagi aspek yang unik ditonjolkan. Dari segi promosi juga, Kementerian sentiasa memperkenalkan Sarawak sebagai kawasan tarikan pelancong yang menggemarkan perubahan bercorak pengembaraan.

Ahli Yang Berhormat mungkin dapat mengenang kembali kepada penyertaan Malaysia buat pertama kalinya di Pasadena Tournament of Roses Parade, dengan izin, di Amerika Syarikat pada tahun 1987 di mana pahlawan negeri Sarawak telah diberi penonjolan istimewa dalam kereta berhias penyertaan Malaysia pada ketika itu. Kementerian juga meraikan rombongan-rombongan perfileman dari luar negeri ke negara ini bagi menghasilkan rencana-rencana khas mengenai Rumah Panjang, Gua Niah dan juga Gua Mulu yang disiarkan melalui televisyen di Amerika Syarikat, di Eropah, di Australia dan juga di negara Jepun. Selain daripada itu, ramai juga penulis-penulis kembara telah melawat Sarawak di samping melawat Semenanjung Malaysia untuk menulis rencana-rencana di majalah serta suratkhbar tempatan di negara masing-masing. Kementerian akan terus berusaha memperkenal-

kan negara di pasaran-pasaran utama dalam tahun-tahun akan datang.

Saya ingin memberi jaminan bahawa dalam semua aktiviti pemasaran, Sarawak akan diberi tekanan serta penonjolan sewajarnya. Mengenai kekurangan kemudahan pengangkutan udara ke Sarawak pula, perkara ini telahpun diputus dan diumumkan oleh Kerajaan baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Hasaan bin Harun telah membangkitkan bahawa cadangan cukai jualan sebanyak 5% ke atas beberapa jenis barang makanan tertentu akan mengakibatkan kenaikan harga makanan di restoran-restoran dan juga hotel-hotel di negara kita yang mana akan memberi kesan kepada para pelancong yang mengunjungi negara ini. Sukalah saya menyatakan di sini bahawa perkara ini tidak boleh dijadikan sebagai satu alasan bagi restoran-restoran dan juga hotel-hotel untuk menaikkan harga barang-barang makanan di restoran dan hotel masing-masing. Ini kerana barang-barang yang terlibat adalah hanya barang-barang yang tertentu sahaja dan barang-barang ini ada kalanya boleh diganti dengan barang-barang keluaran dalam negeri dan ini juga akan menggalakkan penggunaan bahan-bahan makanan tempatan dan memberi galakan kepada pengeluar-pengeluar tempatan.

Di samping itu, Kementerian berharap pihak hotel dan juga restoran akan dapat menyelaraskan harga barang-barang makanan ini ke paras yang ada sekarang memandangkan dalam Belanjawan 1989 ini Kerajaan akan mengurangkan lagi cukai korporat bagi syarikat-syarikat korporat di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Rokiah binti Zainuddin

telah membangkitkan mengenai pentingnya peranan pemandu-pemandu pelancong di dalam meningkatkan imej negara kepada pelancong-pelancong. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tugas memberi penerangan mengenai sejarah, kebudayaan dan tempat-tempat menarik di negara iai memanglah tanggungjawab pemandu-pemandu pelancong berdaftar yang dilantik oleh pengusaha-pengusaha pelancongan yang mengendalikan lawatan-lawatan berkenaan. Bagi meningkatkan pengetahuan pemandu-pemandu pelancong khususnya mengenai sejarah dan kebudayaan negara, Kementerian melalui TDC telahpun memperkenalkan sukatan pelajaran baru bagi kursus-kursus pemandu pelancong anjuran TDC sejak awal tahun 1988 ini, iaitu dengan memberi tekanan kepada sejarah dan kebudayaan negara.

Di samping itu, keutamaan bagi mengikuti kursus-kursus tersebut adalah diberikan kepada mereka yang mempunyai sijil tinggi persekolahan ataupun pemegang-pemegang ijazah lepasan universiti. Tempoh kursus juga telah dipanjangkan iaitu daripada 2 minggu kepada satu bulan. Ini ialah untuk meningkatkan pengetahuan kemahiran pemandu-pemandu pelancong dalam memberi maklumat dengan lebih berkesan dan lebih tepat lagi. Syarat-syarat pendaftaran pemandu pelancong juga telah diperketatkan sejak tahun 1987 yang lalu bila-mana semua pemandu-pemandu pelancong yang telah lulus kursus latihan pemandu pelancong diberi tempoh percubaan iaitu selama satu hingga tiga tahun untuk lulus ujian pengesahan. Di samping itu pemandu-pemandu pelancong berdaftar akan dipanggil dari masa ke semasa untuk menduduki kursus ulangkaji pemandu pelancong bagi meningkatkan lagi pengetahuan serta kemahiran mereka dalam memberi maklumat mengenai negara kita kepada para pelancong dengan lebih berkesan dan maklumat-maklumat semasa.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Tuan Dahalan Haji Embun bahawa penggalakan yang aktif terhadap memakai pakaian batek akan meningkatkan perkembangan industri batek di negara ini. Kementerian ini sentiasa menggalakkan rakyat Malaysia memakai pakaian batek terutama dalam majlis-majlis jamuan rasmi, di luar waktu pejabat dan juga di dalam persidangan. Pemakaian pakaian batek di kalangan masyarakat Malaysia kini amat ketara di mana pakaian ini telah juga digunakan oleh kumpulan-kumpulan kesenian, kontinjen-kontinjen negara, kakitangan Sistem Penerbangan Malaysia yang mana Lapangan Terbang Subang merupakan pintu masuk pelancong ke negara ini, pekerja-pekarja hotel dan kakitangan-kakitangan agensi-agensi pelancongan, juga syarikat-syarikat swasta yang berhubung dengan umum memperlihatkan sambutan yang sama. Pakaian-pakaian batek ini direka coraknya yang khas bagi satu-satu kumpulan atau mengikut acara-acara tertentu.

Kewujudan Info Kraf banyak memberi bantuan dalam memajukan industri batek mahupun dari segi kualiti dan juga corak. Usaha-usaha untuk memperkenalkan pakaian batek di kalangan pelancong-pelancong akan terus dijalankan. Ianya boleh dilakukan walaupun tidak secara kempen, tetapi dibuat dengan satu gerakan oleh badan-badan organisasi industri perhotelan atau mana-mana pihak swasta supaya pada masa tertentu sama ada waktu pejabat atau di luar waktu pejabat untuk memperkenalkan batek. Kejayaan dalam memajukan industri ini memerlukan kerjasama dari semua anggota masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Mustafa bin Awang telah membangkitkan mengenai pembukaan pejabat TDC di kawasan Asia Barat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, TDC sebenarnya ada merancang untuk menubuhkan sebuah pejabat di kawasan ini. Dalam

hubungan ini satu kajian telahpun dijalankan pada tahun 1981 bagi menentukan viability pelaksanaannya. Berikutan daripada kajian tersebut adalah didapati bahawa cadangan penubuhan pejabat tidak tepat pada masa itu, yakni pada tahun 1981 itu. Walau bagaimanapun, pihak Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia telah perhatikan bahawa pasaran-pasaran Asia Barat mempunyai potensi berkembang sebagai sumber kedatangan pelancongan ke negara kita di masa akan datang. Oleh yang demikian, pendedahan mengenai tarikan-tarikan pelancongan Malaysia telah dijalankan, yakni melalui perwakilan Malaysia serta pejabat-pejabat penerbangan Malaysia di Asia Barat.

Kebelakangan ini Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia mula melancarkan promosi-promosi yang lebih agresif melalui penganjuran Pesta Kebudayaan dan Makanan umpamanya pada April 1988 yang lalu dan disusuli dengan penglibatan dalam pameran perniagaan pada Oktober 1988 yang lalu. Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia juga telah menganjurkan kepada beberapa pemberita dan pengusaha pelancongan Arab untuk melawat ke negara kita. Kami berharap dengan aktiviti-aktiviti tersebut Malaysia akan lebih dikenali luas. Justeru itu, sebuah pejabat luar negeri di rantau Asia Barat adalah diperlukan di masa hadapan bagi melicinkan semua aktiviti-aktiviti promosi dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya ingin merakamkan sekali lagi terima kasih saya kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangan yang membina kepada Kementerian ini. Insyallah, dengan pandangan ini kita akan berupaya memperelokkan serta memperbaiki lagi apa yang kita lakukan di peringkat Kementerian. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat untuk memberi jawapan, dipersilakan.

4.23 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat [Tuan Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini yang telah menunjukkan minat terhadap pelbagai perkhidmatan yang telah dijalankan oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang mengenai peruntukan kepada Kementerian Kebajikan Masyarakat.

Saya juga ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan beberapa cadangan dan teguran terhadap perjalanan dan juga pentadbiran Kementerian Kebajikan Masyarakat. Dengan adanya pandangan-pandangan serta teguran-teguran ini, pihak Kementerian akan dapat berusaha untuk memperbaiki lagi taraf perkhidmatan terhadap golongan-golongan sasaran tertentu, terutama sekali mereka yang kurang bernasib baik, yang banyak bergantung harapan kepada pelbagai perkhidmatan yang telah diberikan oleh Kementerian dan Jabatan. Pihak Kementerian Kebajikan Masyarakat sememangnya sentiasa membuat penilaian terhadap perkhidmatan-perkhidmatannya yang telah berjalan sehingga kini dan peka kepada masalah semasa dan sentiasa mengambil tindakan untuk mengatasinya.

Bagi menjawab soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tuan G. Rajoo mengenai masalah kekurangan pembekalan ubat kepada Rumah-rumah Seri Kenangan di bawah tadbir Kementerian Kebajikan

Masyarakat, ingin saya menjelaskan keadaan yang sebenarnya bahawa bagi Rumah Seri Kenangan yang berhampiran dengan rumah sakit tidaklah diperbekalkan dengan semua jenis ubat untuk penghuninya kerana mereka yang sakit biasanya dihantar untuk dirawat di rumah sakit yang berhampiran dan ubat-ubat yang ditetapkan oleh doktor bagi sesuatu penyakit seterusnya diperolehi dari hospital. Namun demikian," peruntukan diberi kepada institusi tersebut untuk membeli ubat-ubat ringan seperti Panadol dan sebagainya.

Tugas Pembantu Perubatan yang ditempatkan di Ruraah Seri Kenangan ialah untuk membantu dan merawat dan melayan penghuni yang terlantar serta bertanggungjawab terhadap kesihatan penghuni keseluruhannya iaitu di bawah pengawasan doktor pelawat. Bagi Rumah Seri Kenangan yang terletak jauh dari rumah sakit, peruntukan yang secukupnya disediakan untuk membeli ubat-ubat yang diperlukan.

Bagi menjawab soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh, saya ingin menjelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Kebajikan Masyarakat sentiasa memberi perhatian dan bantuan yang sewajarnya untuk meringankan beban dan penderitaan mangsa-mangsa banjir atau malapetaka. Di samping memberi bantuan berupa makanan, Kementerian juga mengeluarkan bantuan pemulihan kepada mangsa-mangsa yang terlibat untuk membantu mereka supaya dapat berdikari semula.

Menyentuh pula mengenai tanggungjawab anak atau saudara-mara terhadap kebajikan dan pemeliharaan orang tua, Kementerian Kebajikan Masyarakat dari semasa ke semasa sentiasa memberi kesedaran terhadap masyarakat dengan tugas dan tanggungjawab mereka dari segi penjagaan ibubapa atau keluarga mereka yang tua. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kemasukan seseorang ke Rumah Seri Kenangan ataupun Rumah Orang Tua hanyalah sebagai langkah yang terakhir sahaja dan sebilangan besar mereka yang tinggal di Rumah-rumah Seri Kenangan ini adalah terdiri dari mereka yang tidak mempunyai saudara-mara dan juga sudah terlalu tua dan uzur untuk menjaga dan menguruskan diri mereka sendiri.

Bagi mereka yang masih sihat dan berkeupayaan untuk menguruskan keperluan diri sendiri, Kementerian Kebajikan Masyarakat ada menyediakan kemudahan bantuan sara hidup untuk membolehkan mereka terus tinggal di dalam masyarakat.

Akhirnya, sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian, cadangan dan menimbulkan beberapa persoalan mengenai Kementerian Kebajikan Masyarakat. Segala teguran dan pandangan ini akan diberi perhatian yang sewajarnya oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat demi untuk meningkatkan lagi perkhidmatan dan keupayaan Kementerian dari segi menyediakan kemudahan dan keperluan kepada kumpulan sasaran. Dengan adanya perhatian serta minat Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini terhadap soal dan isu kebajikan masyarakat, ini adalah satu petanda yang baik untuk membantu Kerajaan ini ke arah pencapaian dan peningkatan perkhidmatannya kepada masyarakat. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Bagi giliran yang terakhir sekali saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan untuk memberi jawapan.

4.31 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1989. Segala pandangan, teguran dan cadangan yang membina dari Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi pertimbangan yang

wajar demi meningkatkan lagi kekesan pengurusan ekonomi negara. Saya mengambil kesempatan ini untuk memberi penjelasan ke atas beberapa perkara utama yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pertumbuhan ekonomi, seperti yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Ucapan, dan Perutusan Belanjawan 1989, ekonomi kita dijangka berkembang pada kadar 7.4% pada tahun 1988. berbanding dengan 5.2% pada tahun 1987 dan 1.2% pada tahun 1986. Malangnya ada beberapa Ahli Yang Berhormat yang duduk di dalam Dewan yang mulia ini telahpun menimbulkan keraguan mengenai perkembangan-perkembangan ini sehinggalah ada yang menyatakan angka-angka, pertumbuhan ekonomi yang telahpun dikeraukakan itu adalah- direka oleh Kerajaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat yang berkenaan adalah menjadi hakikat segala. perangkaan mengenai perturabuhan menunjukkan arah aliran yang menggalakkan. Harga barangan utama negara telahpun meningkat-naik, berbanding dengan paras harga dalam tahun-tahun 1985 dan 1986. Harga purata petroleum umpamanya, meningkat daripada US\$14.82 setong pada tahun 1985 kepada US\$16 setong dalam tahun 1988 dan harga getah daripada 189 sen sekilo kepada 315 aen sekilo dalam tempoh yang sama. Harga minyak kelapa sawit juga meningkat dari \$51.7 1 tan metrik kepada \$1,000 di antara tahun 1986 dan 1988. Jumlah eksport telahpun juga meningkat 26.4% dalam tahun 1987 dan 20.8% tahun 1988. Sirapanan luar negeri sekarang adalah di paras yang tinggi dan berupaya membiayai kira-kira 5 bulan import.

Kedudukan kewangan Kerajaan bertambah baik dengan akaun semasa yang dijangka mencatatkan lebih setelah mengalami defisit selama 2 tahun berturut-turut dalam tahun 1986 dan 1987. Hutang luar negeri pula telah berjaya dikawal setelah Kerajaan membayar lebih awal pinjaman luar sebanyak \$5,000 juta dalam tahun 1987 dan 1988. Perkembangan-perkembangan yang menggalakkan ini juga bukanlah satu rekaan, malah beberapa jangkaan pertumbuhan ekonomi yang dibuat oleh badan dan institusi bebas yang lain dengan berdasarkan perkembangan-perkerabangan yang saya sebutkan tadi, adalah lebih tinggi daripada jangkaan yang dibuat oleh Kerajaan sendiri. Sebagai contohnya, MIER (Malaysian Institute of Economic Research) menjangka ekonomi negara berkembang pada kadar 8.2% pada tahun ini. Kenyataan-kenyataan yang meragui perangkaan-perangkaan mengenai DEB (Dasar Ekonomi Baru) sebagai tidak benar adalah merupakan satu tuduhan yang amat berat dan Kerajaan memandang amat serius tentang masalah ini,

Kerajaan telahpun membelanjakan sejumlah wang yang banyak khas untuk mempertingkatkan keupayaan mengumpulkan maklumat-maklumat untuk digunakan dalam perancangan dan pengurusan negara, bukan untuk digembar-gemburkan untuk tatapan orang ramai. Keraguan-keraguan yang ditimbulkan seolah-olah adalah sumber maklumat lain yang lebih baik. Saya tidak tahu daripada mana maklumat ini dibawa oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan. Janganlah kita membuat tuduhan yang berbunyi sedap, tetapi tidak berasas. Bukanlah amalan Kerajaan untuk memutarbelitkan kenyataan yang diperolehi untuk kepentingan tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Ng Peng Hay juga membangkitkan tentang adanya diskriminasi dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru kerana peruntukan kepada kampung-kampung baru adalah jauh lebih rendah, katanya, jika dibandingkan dengan peruntukan kepada rancangan-rancangan tanah seperti FELCRA dan sebagainya. Suka saya nyatakan di sini bahawa peruntukan kepada kampung-kampung baru tidaklah boleh dibandingkan dengan peruntukan kepada program-program rancangan tanah seperti FELCRA dan juga yang lain-lain. Ini adalah kerana peruntukan kepada kampung-kampung baru di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar adalah khusus untuk menaikkan taraf kemudahan infrastruktur yang sedia ada, saya ulangi untuk menaikkan taraf kemudahan infrastruktur yang sedia ada, seperti jalan, elektrik dan lain-lain kemudahan asas. Sedangkan peruntukan pada rancangan-rancangan tanah adalah untuk membuka tanah baru bagi menempatkan penduduk dan membangunkan kawasan tersebut dengan- ladang-ladang getah, kelapa sawit dan lain-lain tanaman. Oleh yang demikian, adalah tidak betul dan tidak kena pada tempatnya untuk menyatakan bahawa terdapat diskriminasi dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Oleh kerana kedua-dua program yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi mempunyai matlamat dan peranan yang berbeza sekali. Tentu sekali perbelanjaan untuk menaikkan taraf kemudahan infrastruktur dan meneroka hutan itu amat berbeza daripada bentuk dan juga material. Kalau perbezaan ini tidak dapat difaham maka tidak hairanlah timbulnya kekeliruan dalam fikiran Yang Berhormat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai inflasi beberapa Ahli Yang Berhormat termasuk Ahli Yang Berhormat Puan Habidah binti Jusoh telah menyentuh mengenai kenaikan harga barang-barang keperluan dan

tekanan inflasi. Kerajaan telah mengambil beberapa langkah bagi memastikan bekalan barang-barang keperluan sentiasa mencukupi dan boleh diperolehi dengan harga yang berpatutan. Langkah-langkah ini telah dilaksanakan sama ada melalui tindakan pentadbiran dan penguatkuasaan undang-undang. Tindakan pentadbiran ialah seperti:

- (i) mengkaji harga barang-barang petroleum setiap bulan berdasarkan kepada mekanisme harga barang-barang petroleum;
- (ii) mengkaji harga tepung gandum dan minyak masak setiap bulan berdasarkan kos pengeluaran; dan
- (iii) menyemak kos pengeluaran gula setiap tahun.

Di samping itu Kerajaan juga menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan untuk membendung kenaikan harga barang-barang keperluan. Undang-undang tersebut ialah:

- (i) Akta Kawalan Harga 1946 (Perintah-perintah yang dibuat di bawahnya);
- (ii) Akta Kawalan Bekalan 1961; dan
- (iii) Peraturan Kawalan Bekalan 1974.

Di bawah Akta ini sebanyak 20 jenis barang-barang keperluan telahpun diisytiharkan sebagai barang-barang kawalan sepanjang masa dan 25 jenis barang-barang lagi diisytiharkan sebagai barang-barang kawalan pada musim-musim perayaan. Tindakan-tindakan ini akan terus dilaksanakan dengan lebih giat lagi dan kajian ke atas peruntukan undang-undang yang berkaitan sentiasa dilakukan supaya ianya bersesuaian dengan keadaan dan masa. Tetapi rakyat juga perlu bertindak, jangan tunggu Kerajaan mengambil tindakan. Memulaukan barang-barang dan kedai-kedai yang menaikkan harga tanpa sebab-sebab yang munasabah atau yang menjalankan aktiviti-aktiviti spekulasi. Suara awam adalah penting, jika kita berdiam diri sudah tentu ada pihak yang akan mengambil kesempatan daripada kedudukan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai meluaskan peluang pekerjaan dalam sektor awam, Yang Berhormat Puan Habidah Jusoh juga mencadangkan supaya lebih banyak peluang pekerjaan diwujudkan dalam sektor awam. Berikutan daripada dasar berhati-hati dan jimat-cermat dalam pengurusan kewangan, Kerajaan sekarang ini tidak lagi dapat mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dalam sektor-awam sewenang-wenangnya. Pengambil kakitangan baru hanyalah bagi jawatan-jawatan yang benar-benar perlu bagi memastikan saiz sektor awam dapat dikawal dengan berkesan yang pada masa ini berjumlah lebih kurang 850,000 orang ataupun kalau mengikut nisbah lebih kurang 1 orang pegawai Kerajaan untuk 1,000 rakyat yang seramai 17 juta itu. Tambahan pula, dasar Kerajaan sekarang ialah mempergiatkan lagi peranan sektor swasta dalam pembangunan negara. Segala dasar dan galakan yang dibuat oleh Kerajaan ke arah mewujudkan sektor swasta yang lebih dinamik secara tidak langsung akan juga mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat negara ini.

Mengenai PADK ataupun Non Financial Public Enterprises, Tuan Yang di-Pertua, prestasi PADK dan cara mengatasinya telah juga dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat termasuk Yang Berhormat Tuan Tiong Hiew King. Memanglah Kerajaan sentiasa mengesan segala perancangan dan perkembangan yang sedia berlaku dan syor-syor yang dibangkitkan seperti memasukkan modal baru, tutup terus ataupun di-swastakan adalah merupakan pilihan-pilihan yang terdapat dan di samping pilihan-pilihan lain yang ada pada Kerajaan pada masa ini. Keputusan untuk memilih mana-mana satu pilihan memerlukan kajian yang teliti supaya tindakan yang dibuat merupakan pilihan yang terbaik yang tidak membebankan mana-mana pihak serta selaras dengan dasar-dasar Kerajaan yang lain.

Mengenai kebitnangan yang disuarakan oleh Yang Berhormat Dato Haji Abdul Hamid Latif yang berkaitan dengan penswastan, saya ingin menjelaskan bahawa Kerajaan telah menyediakan beberapa garis panduan yang antara lain menetapkan bahawa kehendak-kehendak Dasar Ekonomi Baru perlu diikuti. Garis panduan ini akan memastikan supaya penswastan memenuhi hasrat Dasar Ekonomi Baru dan tidak menguntungkan hanya syarikat-syarikat asing.

Tuan Yang di-Pertua, mengehai tunggakan gaji daripada bulan Januari 1988, keputusan untuk memberikannya iaitu memberikan kenaikan gaji kepada kakitangan Kerajaan ataupun kakitangan awam mulai bulan Januari 1989 telah rnengainbil kira kedudukan kewangan Kerajaan. Dalam perkiraan ini, kedudukan kewangan pada mahun 1988 tidak membolehkan Kerajaan memberi tunggakan gaji. Lebihan semasa pada tahun 1988 hanyalah \$108 juta sahaja, sementara lebihan semasa pada tahun 1989 selepas diambil kira cukai-cukai yang baru serta kenaikan gaji untuk tahun 1989 ialah lebih kurang \$247 juta sahaja.

Oleh yang demikian, adalah sukar bagi Kerajaan untuk membuat bayaran tunggakan daripada Januari 1988. Kerajaan telahpun menerangkan kedudukan ini dalam Ucapan Belanjawan dan Kerajaan telahpun menentukan bahawa apa yang dinyatakan itu adalah satu kenyataan yang benar. Kita memang tidak berupaya. Jika Kerajaan berupaya, ianya akan memberi tunggakan kerana Kerajaan sentiasa menimbangkan kepentingan semua pihak, Kita mahu memuaskan hati semua pihak. Jika Kerajaan tidak berupaya ia akan memberitahu rakyat kedudukan yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pemberian kepada Kerajaan-kerajaan Negeri, Yang Berhormat Dato Haji Abdul Hamid Latif telah mencadangkan supaya pemberian kepada Kerajaan Negeri diasaskan

kepada luas kawasan dan tahap pembangunan kerana beliau berpendapat pemberian berasaskan bilangan penduduk tidak sesuai lagi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan 'Persekutuan memang membuat beberapa pemberian kepada Kerajaan Negeri berdaaarkan kepada prinsip-prinsip yang dinyatakan itu. Pemberian-pemberian ini termasuklah pemberian untuk jalan raya, pemberian daripada Kumpulan Wang Simpanan Negeri dan pemberian pertambahan hasil dan pemberian tahunan kepada Penguasa-penguasa Tempatan.

Mengenai cukai, Yang Berhormat Tuan Tan Chai Ho ada membangkitkan mengenai syarat-syarat untuk mendapatkan kelulusan sebagai agen cukai. Sukalah saya menyatakan di sini bahawa Kementerian Kewangan sudahpun menetapkan kelayakan-kelayakan yang perlu untuk kelulusan ini dan yang mana bertujuan untuk memastikan bahawa orang-orang yang diberi kelulusan ini berkebolehan menjalankan kerja dengan memuaskan. Pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu akan diberi perhatian.

Berkenaan dengan tindakan Jabatan Hasil Dalam Negeri seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Tiong Hiew King sukalah saya menjelaskan langkah-langkah berkenaan tidaklah seharusnya menimbulkan kebimbangan kepada rakyat. Berulang kali kita perkatakan kita cuba menimbulkan, dengan izin, "a situation of responsibility", bukan "a situation of fear", Tuan Yang di-Pertua. Tindakan-tindakan tersebut adalah merupakan urusan pentadbiran biasa Jabatan berkenaan. Adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk memberi pengetahuan dan pelajaran kepada orangramai dan akan tanggungjawab mereka untuk membayar cukai pendapatan.

Sehingga 31hb November, 1988, Tuan Yang di-Pertua, terdapat sejumlah 160,986 syarikat yang didaftarkan dengan Jabatan Hasil

Dalam Negeri. Dari jumlah ini Jabatan Hasil Dalam Negeri telah mengeluarkan 117,672 borang yang bertulis kepada syarikat-syarikat yang berkenaan. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, hanya 15,359 sahaja syarikat-syarikat atau 13% yang membayar cukai. Begitu juga, hanya 5.2% daripada rakyat Malaysia yang terdiri daripada 17 juta itu yang membayar cukai. Ini menunjukkan dengan jelas kepada kita bahawa sebahagian besar daripada syarikat-syarikat dan juga rakyat tidak membayar cukai ataupun cuba mengelakkan daripada membayar cukai. Oleh itu, sepatutnya sebagai warganegara dan ahli perniagaan yang bertanggungjawab, kita hendaklah membayar cukai kepada Kerajaan sebagai sumbangan kita kepada negara. Jika ada Ahli-ahli Yang Berhormat mendapat keluhan ada orang-orang kampung yang sukar untuk membayar cukai ataupun mempunyai masalah untuk membayar cukai, Yang Berhormat bolehlah merujuknya kepada Keraenterian Kewangan ataupun kepada saya sendiri untuk mendapat penyelesaian.

Yang Berhormat Tuan Wong Kie Yik telahpun membangkitkan isu berkaitan dengan pengurangan cukai pendapatan syarikat daripada 40% kepada 35%. Di dalam hal ini, Yang Berhormat Tuan Wong Kie Yik telahpun mencadangkan supaya Kerajaan membenarkan perbelanjaan ke atas kerajaan dan elaun kerajaan dianggap sebagai perbelanjaan yang dibenarkan dipotong di dalam proses pengiraan cukai pendapatan. Berhubung dengan perkara ini, ingia saya memaklumkan bahawa cadangan Kerajaan tidak membenarkan potongan hendaklah dilihat secara keseluruhannya di dalam langkah petnbayaran cukai yang diambil oleh Kerajaan dan isu ini tidak sepatutnya dilihat secara tersendiri ataupun berasingan. Di dalam proaes pembayaran cukai, Kerajaan telahpun mengurangkan kadar cukai pendapatan syarikat daripada 40% kepada 35% mulai tahun taksiran 1989. Kerajaan juga telahpun

memutuskan untuk menghapuskan cukai pembangunan yang dikenakan ke atas syarikat secara berperingkat dengan pengurangan sebanyak 1% setiap tahun, mulai tahun taksiran 1990. Negara-negara seperti United Kingdom dan Australia juga tidak membenarkan elaun keraian dipotong daripada cukai pendapatan syarikat.

Yang Berhormat Tuan Chan Choong Tak pula telahpun membangkitkan bahawa kadar cukai pendapatan syarikat sebanyak 35% yang dikenakan mulai tahun taksiran tahun 1989 masih lagi tinggi jika dibandingkan dengan negara-negara ASEAN. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengurangan kadar cukai pendapatan syarikat dari 40% kepada 35% seperti diumumkan dalam Belanjawan 1989 baru-baru ini adalah mencukupi dan munasabah. Kadar ini adalah setanding dengan kadar yang dikenakan di kebanyakan negara-negara ASEAN dan negara-negara lain di dunia. Walaupun pada zahirnya kadar cukai pendapatan syarikat yang dikenakan di Malavsia agak tingal sedikit jika dibandingkan dengan setengah-setengah negara ASEAN dan negara-negara dunia, tetapi daripada segi beban cukai ataupun "the incidence of tax" ataupun "the burden of tax." cukai sebenarnya yang ditanggung di Malaysia- adalah sama ataupun lebih rendah jika dibandingkan dengan negara-negara lain kecuali Singapura.

Keadaan ini adalah terjadi kerana negara-negara seperti Filipina Indonesia, Thailand dan Amerika Syarikat adalah mengamalkan sistem klasikal ataupun classical system, dengan izin, manakala Malaysia mengamalkan 'sistem imputation', dengan izin. Oleh itu, adalah tidak benar dikatakan kadar cukai pendapatan syarikat yang dikenakan di Malaysia adalah masih tinggi jika dibandingkan dengan negara-negara ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cukai jualan lagi, cadangan Yang Berhormat Tuan Chan Choong Tak, supaya cukai jualan dikenakan ke atas barang-barang makanan dan binaan kegunaan orangramai yang kaya sahaja supaya tidak membebankan rakyat yang miskin.

Sukalah saya menegaskan di sini bahawa Kerajaan tidak mempunyai hasrat untuk mengutip cukai jualan daripada barang-barang makanan asas dan bahan-bahan binaaa asas yang digunakan dalam pembinaan rumah kos rendah. Walau bagaimanapun, sekiranya masih ada barang-barang yang terjatuh dalam kedua-dua kategori di atas yang dikenakan cukai jualan, Kementerian Kewangan bersedia menimbangkan permintaan-perraintaan daripada mana-mana pihak tertentu supaya barang-barang itu dikecualikan daripada cukai jualan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah diskriminasi dalam galakan pelaburan ataupun insentif antara pelabur-pelabur tempatan dengan pelabur-pelabur asing seperti dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Lim Heng Tee, ingin saya menyatakan bahawa Kerajaan telahpun membuat banyak kelonggaran kepada pelabur-pelabur swasta sejak tahun 1986.

Di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986, galakan-galakan cukai yang disediakan boleh dinikmati sama ada oleh pelabur asing ataupun pelabur tempatan atas prinsip *the neutrality of the incentive itself*, dengan izin. Di samping itu Kerajaan telahpun mengecualikan pelabur swasta daripada keperluan mendapat lesen di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 jika modal mereka kurang daripada \$2.5 juta dan dengan ini banyak syarat-syarat yaag berkaitan dengan

hakmilik telahpun dikecualikan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, sejumlah besar daripada pelaburan tempatan adalah daripada perusahaan-perusahaan bermodal kurang daripada \$2.5 juta. Oleh itu Kerajaan telah banyak memberikan kelonggaran kepada pelabur-pelabur tempatan. Ingin saya nyatakan di sini bahawa pelabur-pelabur tempatan telahpun menunjukkan minat untuk melabur dan kita mempunyai angka-angka yang menunjukkan bahawa pelaburan tempatan telahpun meningkat dengan kadar yang amat memuaskan. Sudah sampai masanya mereka menyahut seruan Kerajaan dengan meningkatkan kegiatan pelaburan mereka lagi dan tidak lagi mencari-cari sebab untuk tidak melabur di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya iagin menyentuh tentang beberapa perkara mengenai peruntukan yang- dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Pertama, peruntukan kepada Persatuan Budak-budak Pengakap. Sebagai ringkas, peruntukan kewangan tidaklah diberi secara langsung kepada Persatuan Budak Pengakap di sekolah-sekolah. Namun begitu, di Kementerian Pendidikan wujud satu unit yang dinamakan Unit Ko-Kurikulum di bawah Program Pendidikan Rendah dan Menengah yang mana bertanggungjawab mengelola, menggalak, menyelaras dan mengawasi segala aktiviti-aktiviti Ko-Kurikulum di semua sekolah-sekolah bantuan Kerajaan. Secara tidak langsung Persatuan Budak Pengakap mendapat peruntukan daripada Kerajaan.

Mengenai perumahan yang mencukupi bagi askar-askar, Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Kelima, sebanyak \$253.4 juta

telahpun diperuntukkan bagi membina ataupun membeli 5,144 unit rumah keluarga Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Dari jumlah ini sebanyak 1,797 unit telahpun siap dalam tempoh 1986-1987 manakala bakinya sebanyak 3,347 unit dijangka siap dalam tempoh 1988-1990.

Pada tahun 1988 sebanyak \$66.4 juta telahpun diluluskan bagi program ini dan di dalam Anggaran Perbelanjaan 1989 peruntukan ini telahpun dinaikkan kepada \$95.8 juta. Satu Jawatankuasa Kabinet telahpun ditubuhkan oleh Kerajaan mengenai perkara ini yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Kerajaan adalah serius untuk mengatasi masalah ini dan tindakan serta-merta sedang diambil.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai ketiadaan peruntukan bagi memajukan kampung-kampung baru lagi, saya ingin menyatakan di sini bahawa peruntukan bagi kampung-kampung baru sebenarnya adalah disediakan di bawah Tajuk Program "Kemajuan Perkampungan" di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Peruntukan awal RML (Rancangan Malaysia Kelima) yang disediakan ialah sejumlah \$7 juta seperti yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Bagi tahun 1988 peruntukan yang disediakan ialah \$.407 juta ataupun \$407,000. Walaupun demikian Kerajaan telahpun menambah lagi peruntukan sebanyak \$1 juta bagi tahun 1989. Masalah sebenarnya ialah peruntukan telah dibelanjakan begitu cepat oleh kerana MCA minta berbuat demikian menjelang pilihanraya tahun 1986. Selepas peruntukan habis dibelanjakan MCA berkata sekarang Kerajaan tidak ada lagi peruntukan atau tidak lagi beri peruntukan. Pada pendapat

saya ini adalah satu kenyataan yang tidak adil. Kita mahu semua Ahli-ahli Yang Berhormat beri kenyataan yang benar. Ini sahaja yang kita minta. Dengan penjelasan ini adalah tidak benar untuk mengatakan peruntukan tidak disediakan bagi memajukan kampung-kampung baru.

Mengenai agensi bagi mengendalikan penyelarasan, tindakan bagi kemajuan kampung-kampung baru sebenarnya terdapat satu unit khas di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang menyelaraskan tindakan-tindakan pelaksanaan projek di bawah kampung-kampung baru. Oleh itu tidaklah perlu diwujudkan satu lagi agensi yang khas yang lain untuk tugas yang serupa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini saya ingin membuat sedikit lagi tambahan. Pada masa ini saya mempunyai mak-lumat-maklumat yang menunjukkan bahawa taraf hakmilik di kampung-kampung baru pada penghujung tahun 1985 di seluruh Malaysia Barat menunjukkan prestasi yang amat tinggi. Misalannya,

Negeri	Jumlah Hakmilik	Tempoh
Selangor	85.4%	60 tahun
Wilayah Persekutuan	70.5%	99 "
Melaka	62.5%	30 "
Perak	57.2%	30 "
Kedah	61.0%	30 "

Tindakan-tindakan untuk menyambung tempoh lesen atau pajakan untuk negeri-negeri Melaka, Perak dan Kedah sedang dikaji dan tindakan sewajarnya akan diambil tidak lama lagi.

Negeri	Jumlah Hakmilik	Tempoh
Johor	47.2%	30 tahun
Negeri Sembilan	70.0%	99 "
Pulau Pinang	88.7%	30 "

dan tindakan sedang diarahkan untuk memanjangkan lagi lease ini lagi.

Negeri	Jumlah Hakmilik
Terengganu	55.0 %
Kelantan	42.0 %
Pahang	58.99%
Perlis	18.0 %

Ada Ahli Yang Berhormat yang mengatakan bahawa terdapat diskriminasi dalam pemberian tanah. Di sini jelas menunjukkan di dalam kampung-kampung baru di seluruh Malaysia Barat bukan sahaja Kerajaan memberi tanah tetapi juga memberi tuanpunya-tuanpunya hakmilik tanah ini untuk satu jangka masa yang berpatutan.

A leasehold is not just a possession, dengan izin a leasehold is a good title.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga Kerajaan telahpun membantu baru-baru ini ko-op-ko-op yang banyakaya telahpun dipelopori oleh MCA, sebanyak \$1.4 billion dibandingkan dengan tabung khas pemulihan bumiputera sebanyak hanya \$500 juta.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tidak bertujuan untuk menjawab soal-soal ini untuk menimbulkan perasaan marah, tetapi saya hanya menyatakan apa yang benar, seperti kata Socrates, dengan izin, "Let not my eloquence prove the truth," But what I am trying to say is even if I am not eloquent, I am trying to prove the truth.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagai penutup, saya sukalah menarik perhatian. Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu dalam keadaan sekarang adalah penting supaya tumpuan sepenuhnya diberi kepada memperkukuhkan kedudukan ekonomi kita kerana pertumbuhan ekonomi yang baik adalah asas kepada kesejahteraan negara. Pembasmian kemiskinan, menyusun semula masyarakat bagi mewujudkan satu masyarakat yang adil dan saksama dapat dicapai hanya melalui pertumbuhan ekonomi yang berterusan. Definisi perkataan "adil" itu sendiri adalah satu perkataan yang relatif. Adakah jika kita ada \$1 kita memberi seorang 50 sen itu dikatakan adil, ataupun jika sekiranya ada seorang miskin dan ada seorang kaya, kita beri 60 sen kepada orang miskin dan 20 sen kepada orang kaya dan 20 sen. lagi disimpan? Adakah itu definisi adil bergantunglah kepada relativicy keadaan yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu tidak perlulah kita membangkitkan adakah Kerajaan itu adil atau tidak ataupun Kerajaan, cuba menipu fakta-fakta ataupun menyeleweng fakta atau tidak. Ini adalah terlalu berat dan sesuatu kenyataan yang dibuat tanpa menghiraukan perasaan orang lain akan menimbulkan sesuatu masalah tetapi Kerajaan sabar dan mendengar semua ini dengan fikiran waras dan menjawab dengan tenang.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu kita mestilah sama-sama berusaha supaya pemulihan ekonomi yang kita nikmati sekarang berterusan hingga ke tahun-tahun hadapan. Kita perlulah berhati-hati dalam tindak tanduk kita.

Marilah kita bekerjasama untuk mencapai matlamat ini. Tidak ada gunanya kita mengeluarkan kenyataan yang akan menyinggung perasaan orang lain. Ingatlah, jika kita keluarkan kenyataan yang tidak bertanggungjawab, orang lain pun boleh berbuat demikian. Kita perlu rasional dan sabar apabila membincangkan isu-isu negara.

Kita semua ada masalah, tetapi tuduhan bahawa Kerajaan telah menipu, saya ulangi, tuduhan bahawa Kerajaan telah menipu dan menyeleweng statistik adalah serius kerana Ahli-ahli Yang Berhormat juga adalah sebahagian daripada Kerajaan. Adalah tidak wajar dan unbecoming, dengan izin, bagi sesebuah parti dalam komponen Kerajaan bertindak sebagai Pembangkang. Tidak siapa yang untung, sebaliknya ia akan mencetuskan keresahan dan tindak balas. Fikirlah baik-baik sebelum mengeluarkan sesuatu kenyataan kerana akibatnya adalah serius [Tepuk].

Tuan Yang di-Pertua, orang-orang Melayu telah banyak berkorban. Salah satu daripada pengorbanan yang telah ditunjukkan adalah apabila orang-orang Melayu telahpun menyerah beberapa kerusi-kerusi yang mempunyai lebih daripada 50% penduduk-penduduk orang Melayu ataupun pengundi Melayu di kawasan-kawasan tertentu. Saya ada di sini 7 kerusi yang menunjukkan bahawa kawasan pilihanraya yang diwakili oleh MCA adalah di mana penduduk-penduduk Melayu lebih daripada 50% yang raungkin orang Melayu boleh menuntutnya. Alor Setar sebagai contoh, Padang Serai, Lipis, Ampaag Jaya, Ulu Langat, Selendar (Melaka) dan Pontian dan beberapa tempat yang lain. Saya tidak bertujuan untuk mengungkit-ungkitnya tetapi sekali lagi saya hendak menyatakan fakta yang sebenarnya supaya kita sedar bahawa yang kita buat itu adalah satu pengorbanan daripada orang-orang Melayu [Tepuk] untuk kebaikan dan kesejahteraan pertalian perkauman

di antara orang-orang Cina terutama dalam MCA dengan orang-orang UMNO.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin menimbulkan satu falsafah, dengan izin, in English yang ada kaitan dengan apa yang saya sebut tadi. Falsafah ini amat senang jika kita menghayatinya dengan mendalam, ia berbunyi begini, to quote, Tuan Yang di-Pertua, "To a degree, if you give others what they need you will get what you need." Jika sekiranya kita memberi cinta, kita akan dapat cinta, tetapi jika sekiranya kita memberi benci kita akan dapat benci [Tepuk]. Tidak mungkin kalau kita memberi benci kita akan dapat sayang. Tetapi marilah kita terus memberi perasaan rasa timbangrasa supaya kita tidak terheret ke dalam kancah politik mainan orang lain.

Saya mempunyai pendapat ataupun I have reason to believe, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, bahawa ucapan-ucapan yang telah dibuat oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini sebenarnya adalah satu permainan yang ada puppetiernya di belakang, tetapi walaupun kita tahu siapa yang membuat sedemikian itu hari ini kita boleh memaafkan mereka kerana mungkin semasa mereka membuat ucapan tersebut mereka kehilangan beberapa panduan. Tetapi hari ini marilah kita berpegang tangan sekali lagi menggembeling tenaga membulatkan usaha supaya kita dapat menuju dalam satu suara untuk mencapai satu Malaysia yang cemerlang. Terima kasih [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui..

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Bacaan Kali Yaug Ketiga

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]:

Tuan Yang di-Pertua, menurut Peraturan Mesyuarat 53(2), saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan. sekarang.

Timbalan Menteri Buruh [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KESATUAN SEKERJA (PINDAAN)**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

5.09 ptg.

Timbalan Menteri Buruh [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Kesatuan Sekerja 1959 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya terangkan dalam Dewan Rakyat, pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada Undang-undang Buruh kali ini telah dibincangkan secara panjang lebar semenjak tahun 1985 dengan pihak majikan dan pekerja di dalam mesyuarat-mesyuarat Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan. Oleh yang demikian semua pindaan yang dibentangkan di Dewan ini termasuk bagi meminda Akta Kesatuan Sekerja 1959 telah mengambil kira pandangan-pandangan mereka yang terlibat secara langsung iaitu pihak pekerja dan majikan.

Tuan Yang di-Pertua, trade unionisme mempunyai peranan penting di dalam pembangunan sosio-ekonomi negara. Oleh itu, Kerajaan ber-demokrasi perlu memberi pemimpin serta mengatur pertumbuhan trade unionisma supaya ia dapat membantu dalam pembangunan sosio-ekonomi negara.

Cadangan-cadangan piadaan kepada Akta Kesatuan Sekerja 1959 yang dibentangkan di Dewan ini pada kali ini adalah bertujuan menggalakkan pertumbuhan trade unionisma secara lebih bermakna. Sekarang izinkan saya menghuraikan beberapa Fasal penting di dalam Rang Undang-undang bagi meminda Akta Kesatuan Sekerja 1959.

Fasal 2, Objektif Kesatuan, Fasal 2 adalah bertujuan untuk mengubahsuai takrif "trade union" untuk menjelaskan bahawa kesatuan-kesatuan sekerja, di antara lain, perlu juga menekankan soal peningkatan produktiviti dan taraf ekonora daa sosial pekerja dalam menjalinkan perhubungan perusahaan di antara pekerja dan majikan. Dengan peruntukan ini maka aspek positif trade unionisma adalah digalakkan lagi.

Fasal 4 dan 5, Pertumbuhan Kesatuan Sekerja secara teratur. Sebagai usaha bagi mengatasi dari timbulnya masalah persaingan di antara kesatuan sekerja atau dengan izin, inter union rivalry. Cadangan pindaan di Fasal 4 bertujuan meminda seksyen 12(2) untuk menyatakan dengan jelas bahawa dalam keadaan di mana sudah wujud sebuah kesatuan yang mewakili pekerja-pekerja dalam satu trade pekerjaan atau industri, maka Pendaftar Kesatuan. Sekerja tidak akan mendaftarkan kesatuan-kesatuan sekerja yang baru untuk pekerja-pekerja yang sama jika beliau berpendapat bahawa kesatuan baru itu tidak akan membawa apa-apa faedah kepada mereka.

Fasal 6, Keahlian dalam Kesatuan Sekerja. Seterusnya pindaan yang dicadangkan di bawah Fasal 6 adalah bertujuan menjadikan seksyen 26(1A) lebih jelas dan tepat untuk memastikan bahawa seseorang pekerja tidak boleh menganggotai atau terus raenjadi ahli sesuatu kesatuan jika ia tidak digaji dalam trade, pekerjaan atau industri yang ada kaitan dengan kesatuan itu. Walau bagaimanapun, pindaan iai tidak menjejaskan kedudukan seseorang yang dipilih oleh ahli-ahli kesatuan dan digaji untuk bekerja sepenuh masa sebagai Setiausaha, Penolong Setiausaha, Bendahari atau Penolong Bendahari kesatuan.

Fasal 7, membenarkan tempoh perkhidmatan bagi kelayakan seseorang yang dilantik sebagai pegawai kesatuan. Tujuan Fasal 7 ialah bagi membolehkan lebih ramai lagi pekerja-pekerja melayakkan diri untuk memegang jawatan dalam kesatuan dan seterusnya membantu penubuhan kesatuan sekerja. Dengan pindaan ini tempoh kelayakan bekerja minima sebelum seorang pekerja boleh memegang jawatan dalam kesatuan sekerja dikurangkan daripada tiga tahun kepada setahun.

Fasal 10, pindaan Peraturan-peraturan Kesatuan Sekerja. Melalui Fasal 10, tempoh masa untuk kesatuan mengemukakan sebarang pindaan peraturan-peraturannya kepada Pendaftar untuk diluluskan, dilanjut dari 7 hari hingga kepada 30 hari memandangkan bahawa tempoh 7 hari adalah tidak mencukupi bagi maksud ini. Pindaan hendaklah dikemukakan dalam Bahasa Malaysia sahaja.

Satu lagi pindaan penting dalam Fasal ini ialah untuk meminda proviso 38(3) supaya keperluan untuk mendapatkan persetujuan lebih daripada 50% ahli-ahli yang berhak mengundi bagi maksud membuat pindaan kepada peraturan-peraturan untuk menaikkan yuran diganti dengan persetujuan majoriti ahli-ahli yang membuang undi di bawah seksyen 40(1)(f) yang sedia ada. Kelonggaran ini dicadangkan bagi memudahkan kesatuan mewujudkan tabung wang yang mencukupi untuk

menjalankan aktiviti-aktivitiaya dengan berkesan.

Fasal 11, Undi Sulit. Pindaan yang dicadangkan di dalam Fasal 11 bertujuan menghapuskan keperluan mengambil undi sulit dan menggantikannya dengaa mengangkat tangan di dalam mesyuarat agung untuk membuat keputusan bagi penubuhan atau pergabungan deungan mana-mana persekutuan kesatuan sekerja atau mana-mana badan perunding atau badan seumpamanya.

Fasal 12, Tabung Wang Kesatuan. Pindaan dicadangkan dalam Fasal 12 bertujuan untuk meminda Seksyen 56(1) bagi melanjutkan tarikh terakhir bagi kesatuan-kesatuan mengemukakan penyata tahunan kepada Pendaftar Kesatuan. Sekerja iaitu dari 1hb Julai kepada 1hb Oktober tiap-tiap tahun kerana didapati banyak kesatuan sekerja menghadapi kesulitan mematuhi kehendak sekarang. Tambahan pula peruntukan-peruntukan baru juga diperkenalkan untuk memperteguhkan lagi sistem audit dan accountability tabung wang kesatuan. Di antaranya seseorang juruaudit luar kesatuan tidak boleh mengaudit kira-kira kesatuan berturut-turut lebih dari 3 tahun dan Pendaftar Kesatuan Sekerja akan diberi kuasa untuk mengarah juruaudit berkenaan menjalankan audit selanjutnya mengikut cara yang ditetapkan olehnya.

Fasal 14, Persekutuan Kesatuan Sekerja. Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini peruntukan yang sedia ada tidak jelas sama ada keahlian sesebuah persekutuan kesatuan sekerja dihadkan kepada Semenanjung Malaysia, Sabah atau Sarawak sahaja. Pindaan yang dicadangkan melalui Fasal 14 ialah bagi memperuntukkan dengan jelas bahawa sesebuah persekutuan kesatuan sekerja boleh mengambil ahli-ahli gabungan semua negeri di Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.

Fasal 16 Pergabungan dengan Badan-badan. Perunding Fasal 16 ini adalah untuk meminda seksyen. 76A(1) supaya kelulusan Pendaftar Kesatuan Sekerja tidak lagi diperlukan bagi pergabungan kesatuan-kesatuan dengan badan-badan perunding atau badan-badan yang seumpamanya yang ditubuhkan di dalam Malaysia. Dengan pindaan ini, hanya pergabungan dengan badan-badaa yang ditubuhkan di luar Malaysia sahaja yang perlu mendapat kelulusan yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian [Dato'Kok Wee Kiat]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Akta untuk meminda Akta Kesatuan Sekerja 1959 dibaca kali yang kedua skarang dan terbuka untuk dibahas. Sila Yang Berhormat Senator Ainon Ariffin.

5.18 ptg.

Puan Ainon binti Ariffin: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua; saya bangun untuk sama menyokong Rang Undang-undang yang bernama satu Akta untuk meminda Akta Kesatuan Sekerja 1959. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong kepada Rang Undang-undang yang berkenaan adalah setelah meneliti dan juga setelah mendengar segala penjelasan yang diberikan oleh Timbalan Menteri Buruh yang baru lalu dan juga setelah mengalami serta mengikuti perkembangan-perkembangan kesatuan sekerja yang ada di negara yang kita kasihi iaitu negara Malaysia yang, Tuan Yang di-Pertua, sebuah negara yang memakai sistem demokrasi yang memberikan hak asasi kepada sekalian rakyatnya termasuk juga kepada pekerja-pekerja.

Di Malaysia, kita sebuah negara yang adil dan sentiasa memberikan hak yang saksama kepada mereka yang perlu diberikan perhatian, diberikan bimbingan dan diberikan pengawasan dalam hal kebajikan dan juga perkara-perkara yang berkaitan dengan diri mereka apabila mereka dipanggil sebagai pekerja,

Terdapat juga tujuan kepada pindaan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kesatuan Sekerja 1959 ini dengan tujuan yang baik iaitu untuk mengemaskinikan Akta berkenaan yang sebelumnya tidak pernah dipinda iaitu dari semenjak tahun 1959 sehingga sekarang, iaitu sehingga tahun 1988. Ini bermakna pindaan ini talah dikaji dan diteliti dan tujuan utamanya ialah untuk mengemaskinikan Akta ini supaya dapat menaungi melindungi dan memberikan hak yang saksama, di samping mengawal kesatuan-kesatuan sekerja yang ada di Malaysia supaya tidak digunakan kesatuan sekerja sebagai platform untuk mencapai sesuatu tujuan yang bertentangan dengan cita rasa negara dan supaya kesatuan sekerja tidak dijadikan batu loncatan atau diambil kesempatan oleh para pemimpin kesatuan berkenaan untuk kepentingan kumpulan ataupun individu atau untuk kepentingan diri sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia juga telah pernah mengalami beberapa peristiwa yang pahit dalam beberapa peristiwa yang menyedihkan yang kadangkala satu-satu ketika hampir-hampir menimbulkan sesuatu yang boleh mengancam keselamatan negara kita terutamanya dari segi ketenteraman awam atas angkara dan juga atas telatah dan tindak-tanduk kesatuan sekerja yang pernah berlaku yang mana telah diresapi oleh anasir-anasir yang tidak sihat yang bertujuan ada udang di sebalik batu atau yang ingin menjadikan kesatuan sekerja seperti kata pepatah, melempar batu, menyembunyikan tangan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Akta yang berkenaan, saya ingin menyentuh mengenai Fasal 2 yang bertujuan mengemukakan takrif bagi perkataan-perkataan "Director General of Industrial Relations" iaitu Ketua Pengarah bagi Perhubungan Perindustrian dan meminda takrif 'Trade Union' yang akan, *inter alia*, menekankan peningkatan daya pengeluaran dan mempertingkatkan hubungan baik majikan-pekerja sebagai tujuan kesatuan sekerja.

Saya tertarik hati benar dengan pindaan ini kerana terdapat beberapa kecenderungan dan mungkin tidak faham atau mungkin kerana didorong oleh sesuatu tujuan, maka kebanyakan - bukan semua, kebanyakan kesatuan sekerja yang ada di Malaysia ini kecenderungan pengu— buhan kesatuan sekerja dan perkara yang di hlightkan, yang diutamakan ialah seolah-olah hendak menjadi parti pembangkang atau kumpulan pembangkang kepada saranan dan kepada segala akta dan peraturan yang dibuat oleh sesuatu pihak majikan, sama ada majikan itu kerajaan atau syarikat swasta atau sektor perkilangan dan juga lain-lain kumpulan yang mempunyai pekerja atau yang bertaraf majikan, terdapat kecenderungan-kecenderungan yang tidak begitu sihat dan diindoktrinasikan.

Sebenarnya mereka yang bekerja yang menjadi ahli ini niat utamanya menganggotai kesatuan itu ialah dengan tujuan ingin mendapatkan naungan, pembelaan, kefahaman dan ingin mendapat pertolongan serta bantuan dalam menyelaraskan masalah kepentingan mereka dengan majikan kerana banyak pekerja tidak dapat berinteraksi bersendirian dengan majikan tetapi melalui kesatuan mereka akan dapat membawa berbagai-bagai masalah yang boleh dirundingkan dengan semangat muhibah dan rasa tanggungjawab bersama. Tetapi ada kesatuan sekerja yang menganggap kesatuan sekerja itu sebagai satu barisan hanya

untuk membuat sesuatu yang merangsang dan yang boleh menimbulkan berbagai-bagai ketegangan dengan pihak majikan, umpamanya seperti tuntutan gaji yang tidak wajar, imbuhan pekerjaan yang tidak seimbang, kebajikan-kebajikan yang tidak begitu sesuai dengan fungsi swasta atau kilang atau majikan atau Kerajaan, ertinya minta gaji lebih, kerja kurang ataupun kebanyakannya ada pula yang menghasut pekerja-pekerja dengan tujuan-tujuan pertandingan atau persaingan perdagangan.

Urnamanya katalah sebuah sektor perkilangan, maka ada kesatuan sekerjanya sendiri, Kemudian sebuah sektor perkilangan yang lain juga ada kesatuan sekerjanya. Oleh kerana mereka ingin bersaing dan businessnya hampir-hampir sama, maka kesatuan sekerja inilah yang digunakan bagi menghasut pekerja-pekerja itu supaya selalu tak puas hati dengan majikannya, supaya mogok, supaya membuat kerja yang 'slow' dan supaya meminta itu dan ini yang agak berlebihan yang bertujuan supaya sektor ataupun perkilangan itu bankrap dan ini dapat memajukan perniagaannya. Ini juga pernah berlaku di negara kita walaupun tidak begitu merebak tetapi kalau di negara-negara yang maju yang lain, Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan sebagai satu tactic atau strategi yang sudah lumrah.

Namun begitu, Tuan Yang di-Pertua, bukanlah dikatakan semua kesatuan sekerja ini bertujuan demikian. Ada juga kesatuan sekerja yang benar-benar dapat menjalankan fungsinya terutama menghadapi majikan-majikan termasuk juga Kerajaan, kita tidak pula mengatakan semua tindakan Kerajaan ini baik, ada juga kelemahannya, tetapi ada juga pihak majikan yang kadangkala tidak mengikut peraturan perburuhan atau ada ketikanya terlalu mementingkan keuntungan daripada masalah kebajikan pekerja-pekerja mereka. Ini terdapat juga dalam negara kita terutama di sektor perladangan dan sektor

perkilangan yang membuat bahan-bahan pengeluaran dan juga di syarikat-syarikat swasta yang besar yang mengeluarkan bahan-bahan elektronik atau bahan-bahan perubatan, umpamanya.

Terdapat beberapa diskriminasi atau penindasan secara halus yang terang-terang berlaku di mana pekerja-pekerja ini tidak mendapat apa-apa perkara kebajikan untuk mereka dan yang sedihnya yang selalu tertindas dan selalu raendapat banyak tekanan ialah pekerja-pekerja wanita.

Pernah kami dahulu membuat satu kajian, Tuan Yang di-Pertua, setelah mendengar beberapa pengaduan dan laporan yang dibuat oleh pekerja-pekerja wanita kita di sektor swasta. Saya tidak mahu menyebut syarikat swasta berkenaan kerana perkara ini masih lagi dalam kajian dan di peringkat awai kita ingin membuat perundingan. Kalau ini tidak berjaya, kita bercadang hendak membawanya kepada Kementerian Buruh dan kemudian membawanya kepada pengadilan di mana wanita-wanita di tempat berkenaan ditindas dengan, cara-cara yang halus.

Satu contoh, ada wanita-wanita Islam yang taat dengan agamanya di satu swasta telah tidak dibenarkan untuk pergi mendengar ceramah sewaktu time makan dan ada juga di antara mereka itu yang ditegah daripada bersembahyang apabila sampai waktu bersembahyang,

Ada pula satu lagi perkilangan ataupun swasta yang membuat bahan-bahan pengeluaran elektronik dan juga ubat-ubatan di Malaysia ini yang tidak membenarkan wanita-wanita memakai pakaian berhijab. Berhijab, Tuan Yang di-Pertua, ialah memakai mini telakong dan memakai baju yang labuh, menutup aurat mengikut undang-undang Islam, mereka telah dipaksa memakai uniform yang mendedahkan aurat.

Kemudian ada juga di antara mereka ini yang mengandung tetapi tidak diberikan masa kerja yang sesuai dengan keadaannya yang mengandung. Umpamanya kalau dia pakai shift katalah malam-siang malam-siang, kalau dia mengandung sudah 8 bulan, 7 bulan masih juga dia diminta untuk membuat shift malam.

Begitu juga mengenai kemudahan-kemudahan wajar, umpamanya kenderaan ulang-alik dan juga kebajikan lain percutiaan semasa sakit ataupun percutian-percutian semasa adanya beberapa kes-kes yang dharurat, umpamanya dapat telegram atau lain. Terdapat antara mereka ini yang pulang kerana telegram, balik-balik dia telah dibuang kerja. Dia ahli kesatuan dan di bawa kepada kesatuan tetapi tidak dapat apa-apa pembelaan kerana mungkin Kesatuan Sekerja dia itu tidak begitu aktif atau tidak begitu dapat membawa kes ini terus kepada salurannya. Sebab hendak bawa kes pun, Tuan Yang di-Pertua, bukan begitu senang. Kesatuan Sekerja pun bukan semua handal dan aktif. Ada di antara mereka ini tidak begitu aktif dan tidak begitu memahami dan tidak begitu tahu cara-cara bagaimana hendak membuat pembelaan-pembelaan kepada ahli-ahlinya. Mungkin kerana ini kurang pendekatan ataupun kurang faham atau kerana pemimpinnya tidak memberikan ceramah atau penjelasan yang luas dari segi aturan dan peraturan kesatuan masing-masing. Dan dalam segi ini saya merayu kepada Kementerian Buruh supaya diberikan perhatian dan sentiasa mendekati Kesatuan-kesatuan Sekerja, terutama yang berdaftar dan bilangan ahlinya tidak begitu ramai dan yang kurang memahami aturan

dan peraturan perburuhan dan hak-hak mereka sebagai seorang buruh di negara kita ini supaya mereka faham dan mereka dapat meminta keadilan dari majikan mereka, kecuali Kerajaan.

Saya arif bahawa sekiranya pekerja-pekerja itu, pekerja-pekerja Kerajaan, Kesatuan Sekerjanya memang memahami segalanya. Malahannya oleh kerana terlampau faham maka berlakulah berbagai-bagai peristiwa yang menggugat Kerajaan dan negara sendiri seperti yang akan saya sebutkan sebentar lagi.

Selain daripada itu juga mengenai masalah pekerja-pekerja selain daripada ada yang meransang majikan tetapi ada majikan yang tidak berapa kesahkan pekerja, ialah mengenai peristiwa-peristiwa sewaktu mereka ini diberikan kerja-kerja yang merbahaya. Kerja-kerja yang merbahaya umpamanya yang bekerja di ladang-ladang untuk menyembur rumput-rumpai dengan bahan kimia yang berupa racun rumpai amat merbahaya kata Timbalan Menteri Pertanian semalam.

Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri Pertanian kami ini memang handal kalau disoal sahaja apa-apa mengenai hal ehwal teknik dan juga teknikal mengenai racun-racun ini beliau pantas sahaja boleh menjawab dan menyebut jenis racun-racun itu dan dia punya latarnya sekali. Syabas, saya ucapkan tahniah. Jawapan beginilah yang kami-kami ini tunggukan dan kami rasa puas hati. Jawapan yang membuat "home work" bukan sambil lalu sambil lewa ikut common sense sahaja atau ikut fikiran sendiri sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Beliau membuat kajian, faham dia, semalam dia menyebut jenis-jenis racun-racun rumpai yang amat merbahaya ini. Kebanyakan pekerja ini tidak diberikan alat pelindung atau alat keselamatan. Begitu juga yang bekerja

di kilang-kilang elektronik dan di kilang-kilang membuat perabot. Kita pernah melawat dan kita mendapati mereka ini terdedah dengan kemerbahayaan tanpa alat pendinding atau pelindung mata atau muka daripada bahan-bahan sempuran apian, raaksudnya macam bahan-bahan yang hendak dipeterikan. Jadi, bahan-bahan kimia daripada radioactive iai daripada api-api yang memancar lebih, yang kuat voltage-nya ini, sebenarnya boleh merosakkan mata dalam jangka masa 5-6 tahun sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Dan masih terdapat syarikat-syarikat ataupun kilang-kilang yang midak memberikan perlindungan yang wajar kepada pekerjaanya, Begitu juga di dalam buat asid atau bahan-bahan asid ini. Ada juga pekerja-pekerja yang mengadu mereka telah tidak diberi perlindungan wajar dari segi sarung tangan [glove] yang sesuai dan juga bahan-bahan pelindung dari sedutan racun-racun asid ini.

Jadi, saya rasa ini bukanlah kerja kita secara direct, patut juga pihak Kementerian memberikan kefahaman kepada Kesatuan Sekerja itu apakah peranan yang mesti dijalankannya sebagai hak mereka sebagai Kesatuan Sekerja yang boleh dituntut daripada majikan, apa yang tidak boleh dibuat. Apa pula yang baik penyertaan mereka untuk negara, apa yang tidak baik. Jadi dengan adanya garis panduan begini mereka mungkin tidak akan melanggar tembok, dan kalau ada yang menghasut pun mungkin mereka ada fikiran sendiri bahawa mereka tahu mana hak mereka sebagai warganegara yang setia, setakat mana peranan mereka dalam menuntut haknya dan yang. mana-mana pula yang mereka patut bertolak ansur, berunding serta jangan terus memberontak dalam hendak mengemukakan hajat dan niat atau hendak

membela untung nasib mereka, terutama mengenai kenaikan gaji dan kemudahan-kemudahan bekerja.

Tuaa Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai Fasal 3, iaitu bertujuan meminda Akta supaya gelaran Pendaftar Kesatuan Sekerja ditukarkan kepada Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja. Gelaran bagi pegawai-pegawai lain di bawahnya juga ditukarkan. Jadi, dalam perkara ini saya ingin penjelasan daripada Timbalan Menteri yang berkenaan nanti, saya kurang arif tentang Akta ini apakah tujuan dan maksud yang sebenarnya.

Kemudian, saya juga ingin menyentuh mengenai Fasal 4 yang bertujuan meminda seksyen 12(2) supaya kuasa Ketua Pengarah untuk menolak pendaftaran sesebuah kesatuan yang lain hanya terpakai dalam keadaan di mana sudah ada kesatuan yang mewakili pekerja-pekerja dan pada pendapatnya tidak akan mendatangkan apa-apa faedah kepada pekerja-pekerja jika sekiranya sebuah kesatuan baru ditubuhkan. Yang Berhormat Timbalan Menteri baru menerangkan apa tujuan Akta ini. Saya ingin mengulas ini baik, syabas supaya tidaklah nanti kesatuan sekerja tumbuh macam cendawan sedangkan matlamat untuk pembelaannya adalah menjadi sebagai satu bayangan atau sebagai satu topeng sahaja. Yang sebenarnya, mereka mempunyai niat-niat tertentu yang lain. Jadi kalau sudah ada kesatuan sekerja di situ kuat walaupun ramai ahlinya, taklah perlu lagi kesatuan sekerja hama lain, pemimpin lain ditubuhkan. Ini akan menirabulkan semangat persaingan, perlagaan dan mungkin senang diresapi oleh anasir-anasir yang tidak sihat, yang merugikan ahli-ahli kesatuan sekerja itu sendiri. Jadi ada baiknya Akta Ini dan penubuhannya dikawal. Kerana

tidaklah berguna banyak kalau tidak berfungsi dan kalau hanya menimbulkan masalah. Biarlah ia satu atau dua tetapi ia kukuh dan menepati kehendak-kehendak di antara dua pihak iaitu majikan dan pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai Fasal 6 yang bertujuan meminda seksyen 26(1A) untuk menjelaskan bahawa seseorang pekerja tidak boleh menganggotai atau terus menjadi ahli sebuah kesatuan sekerja jika dia bukan digaji dalam mana-mana perdagangan dan seterusnya. Saya hendak sentuh, kalau dia bukan seorang pekerja, dia bukan ahli kesatuan sekerja, maka tidaklah boleh dia menganggotai kesatuan itu.

Kerana, Tuan Yang di-Pertua, terdapat sebelum ini pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja sebenarnya tidak bekerja di mana-mana pun, hanya seorang businessman sahaja, tetapi dia boleh memegang jawatan dalam kesatuan sekerja itu, kemudian memegang teraju kepimpinan, lalu mencorakkan kesatuan itu mengikut haluan fikirannya dan mengikut cita-citanya yang tersembunyi. Contoh ialah seperti yang pernah berlaku di negara kita mengenai ancaman dan ugutan serta beberapa peristiwa-peristiwa yang kita mula-mula sudah hendak serang dulu mengenai kesatuan sekerja yang dianggotai oleh beberapa kesatuan sekerja dalam CUEPACS, umpamanya. Dan, yang paling-paling lantang sekali menimbulkan masalah kepada rakyat, kepada negara, kepada Kerajaan ialah yang diterajui oleh MTUC. Dan kita juga tahu bagaimana seorang peraimpin handalan daripada kesatuan sekerja gabungan kesatuan sekerja di Malaysia ini yang bernama Dr. V. David telah pergi ke persidangan-persidangan kesatuan sekerja di negara-negara luar lalu memburuk-burukkan negara kita dan menceritakan perkara-perkara yang tidak benar mengenai Kerajaan kita yang dianggap sebagai diktator, menindas dan tidak mempedulikan pekerja-pekerja.

Kita sendiri faham bagaimana Dr. V. David telah menimbulkan masalah besar bukan sahaja dalam negara sebelumnya tetapi juga imej kita di luar negara yang baru lalu, belum pun sampai setahun lagi. Bagaimana peristiwa beliau di dalam Persidangan AFLCIO, dengan izin, yang penuhnya American Federation of Labour Congress of Industrial Organisation yang telah memperkatakan satu perkara yang raenjadi isu sehingga kini, iaitu mengenai pembatalan GSP dan sampai sakarang kita masih lagi sedang berusaha, sedang berikhtiar untuk mengatasi perkara-perkara yang telah ditimbulkannya ini. GSP, dengan izin, Generalised System of Preference atau dalam Bahasa Malaysia mengenai bahan-bahan utama. Saya tidak dapat menerangkan dengan jelasnya dalam Bahasa Malaysia tetapi semua orang fahara dengan GSP ini iaitu satu hak yang diberi oleh negara Amerika kepada kita mengenai bahan-bahan mentah dan lain-lain. Peristiwa itu telah menimbulkan berbagai-bagai gejala yang tidak sihat di negara kita ini dan sampai aekarang Kerajaan masih lagi sedang berikhtiar bagi mengatasinya dan yang berkenaan pada mula-mulanya tidak mengaku dan lepaa itu akhirnya mengaku tetapi masih bebas dan menjadi Setiauaaha Agung kepada MTUC.

Demikian satu contoh bagaimana Kesatuan Sekerja telah dijadikan platform dengan tujuan-tujuan tertentu, tujuan-tujuan, "ada undang di balik batu, hendak menyerang untuk kepentingan aku". Ini kita tidak boleh benarkan dan biarkan. Saya harap dengan kata-kata yang ada ini perkara-perkara yang sedemikian itu akan dapat dikawal rapi dan akan dapat diberikan bimbingan dan kalau perlu mesti diambil

tindakan undang-undang kepada pemimpinnya kerana yang memimpin itu yang telah merosakkan fikiran kaum pekerjaanya, yang telah menghasut kaum pekerjaanya lalu pekerja-pekerja yang pada peringkat awalnya tidak berpolitik, ingin hanya kepada maaalah kebajikan dan masalah hal-hal kehidupan serta hal-hal yang berkaitan dengan kemudahan-kemudahan tempat kerja, bekerja dan lain-lainnya telah disalahgunakan oleh pemimpin-pemimpin yang berkenaan.

Kita juga mendengar berbagai-bagai tokoh lagi sebelum ini dan masih juga menerajui Kesatuan Sekerja yang demikian juga keadaannya yang lebih mirip kepada merangsang daripada berunding, yang lebih mirip kepada mengugut daripada bermesyuarah yang bertujuan ingin menyampaikan sesuatu hasrat yang telah didalangi oleh pihak-pihak lain yang kita terang tahu. Saya suka menyebutkannya, yang juga telah didalangi oleh parti-parti Pembangkang yang tidak senang dengan Kerajaan dan tidak senang dengan keadaan negara yang aman damai dan dengan keadaan ketenteraman rakyat jelata yang ada pada ketika ini.

Saya rasa dalam perkara ini saya ingin mencadangkan kepada Kementerian berkenaan dan Kerajaan apabila didapati ada pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja yang sudah melanggar batas-batas dan norma-norma peraturan prinsip Rukun Negara dan Akta Hasutan kita, tidaklah payah lagi bercakap, apabila ditanya, "Oh! Kerajaan akan mengambil tindakan yang sekeras-kerasnya. Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan sekiranya terdapat mereka ini mengganggu ketenteraman ataupun melakukan sesuatu yang merosakkan kepentingan awam". Yang dilakukan oleh orang ini bukan sahaja sudah

merosakkan kepentingan awam, ketenteraman awam, tetapi sudah juga hampir-hampir menimbul dan mencetuskan pergaduhan dan mengancam keselamatan negara dan selain daripada itu sudahpun berjaya memburuk-burukkan negara kita di luar negeri sehingga sampai kita hampir-hampir menerima takanan pahit dari perbuatannya, namun demikian tindakan yang tidak teragak-agak itu masih-lagi teragak-agak dan hanya masih lagi pada perkataan.

Saya kurang arif dan kurang faham kenapa kita terlalu liberal sangat, dengan izin, dalam hal ini. Mengapa kita mesti memikirkan satu dua orang dan tidak menghiraukan rayuan ratusan, ribuan orang. Apa salahnya kita ini bertindak agak keras sedikit untuk mendapatkan kebajikan.

Tuan Yang di-Pertua, ada pepatah Inggeris yang menyebut yang bermaksud, "Kita kenalah kasar sedikit, untuk mendapatkan sesuatu tujuan yang murni dan baik". Rasa saya pepatah itu patut Kerajaan kita ambil berat. Janganlah selalu terjadi, sudah terantuk baru tengadah, bila kita sudah terantuk sahaja baru kita tengadah. Selalu kita ambil tindakan "last" minute". Selalulah kejadian berlaku bila sudah ada "damage" barulah kita mengambil tindakan-tindakan, Tindakan kita itu terlambat, kita rugi sebab perkara yang kita lindungi sudahpun rosak, sudahpun "damage" kemudian baru kita mengambil tindakan.

Saya rasa negara-negara lain di alam maya ini rasanya tidak macam negara kita ini. Di atas kelemahan kita itulah menyebabkan Kesatuan Sekerja, orang perseorangan, Parti Pembangkang, kawan-kawan dalam komponen Barisan Nasional berani bersuara lantang dan kemudian

berani melanggar semua Akta-akta yang ada di negara kita ini - Akta Hasutan, Akta Perkauman, Akta Keagamaan, semua Akta habis dilanggar dengan bulldozer. Kita masih menjawab, "tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan". Maka perkataan "teragak-agak" ini sudah menjadi sebagai satu perkara nyanyian kepada pihak-pihak yang hendak melanggar undang-undang, kerana mereka tahu, bila perkara ini timbul mesti Kerajaan akan kata, "tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan tagas". Perkataan "teragak-agak" itu ada di situ. Selagi ada perkataan "teragak-agak" ini saya percaya dalang-dalang negara, petualang-petualang negara, anti subversif negara tidak ada perasaan segan silu dan takut-takut.

Mengapa kita tidak buat seperti kita menjalankan hukuman mengenai dadah berbahaya, 15 gram - gantung ganja ada sahaja 200 gram - gantung. Walaupun hendak gantung, tunggu gantung tetapi pergi ke tali gantung dan ini menjadi satu deterrent kepada Kerajaan kita, dipuji oleh seluruh dunia. Seluruh dunia menuji. Mula-mula kutuk, lepas itu mereka datang ke sini meneliti, melihat dan kemudian mengimport lalu hendak melaksanakannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap melalui pengalaman sebab saya duduk di dalam beberapa Jawatankuasa mengenai masalah dadah ini sama ada di peringkat negeri, negara dan juga di peringkat antara-bangsa. Kita telah dikagumi, Perdana Menteri kita disanjung tinggi kerana ketegasan, keberanian oleh kerana tiada perkataan "teragak-agak".

Tuan Yang di-Pertua kita ada ISA. Kita berundinglah dengan ISA, beri ISA mengajarnya barang seminggukah, 2 minggukah, 3 bulankah, 3 tahunkah, keluar dia siuman. Ini kita ada ISA, tetapi kita gunakan teragak, teragak, teragak. Saya kurang senang dan jemu dengar perkataan "teragak-agak" ini.

Katalah apa yang telah dilakukan oleh V. David umpamanya, apakah dia sudah tidak lagi boleh diistilahkan sebagai mengancam keselamatan negara, mengganggu ketenteraman awam, hampir-hampir lumpuh seketika dahulu kita daripada masalah pemogokan dalam negara sedang memikirkan masalah-masalah ekonomi yang muram, mereka di ketika itulah menahan jerat di tempat genting, menghasut pekerja-pekerja, yang tak bekerja pun jadi bekerja, yang tak ada kerja apa-apa pun, yang menganggur pun turut didaftarkan jadi ahli, dari ahli 800 jadi 8,000 berpiket di sana-sini. Dalam Malaysia tidak berapa ketara, sebab media kita sorok-sorokkan, di luar negeri

ha! Sewaktu saya berada di Hongkong ketika itu dan kemudian berada di satu negeri di Europe, baca suratkhobar, kita jadi terkejut, telefon balik, apa sudah jadi dekat Malaysia? Besar-besaran keluar - "Pemogokan yang melumpuhkan Kerajaan diktator", dalam bahasa Inggeris. Jadi apabila ini berlaku, kemudian kita pinda Akta, diharap bila Akta ini lulus, perkataan "teragak-agak" itu tolonglah tolak dan tolonglah, ketepikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit lagi mengenai Fasal 10. Saya harap kawan-kawan saya yang lain akan menyentuh perkara-perkara yang lain, iaitu satu perkara yang menggembirakan. Fasal 10 bertujuan meminda seksyen 38(3) supaya apa-apa peraturan baru atau pindaan kepada peraturan-peraturan sesuatu kesatuan mesti dibuat dalam Bahasa Kebangsaan, syabas.

Sebelumnya kesatuan sekerja, untuk pengetahuan Timbalan Menteri yang berkenaan, kebanyakan kesatuan sekerja tidak menggunakan Bahasa Malaysia dalam mesyuaratnya. Saya juga pernah menghadiri beberapa mesyuarat-mesyuarat mereka tidak menggunakan Bahasa Malaysia, kerana terdapat di dalam keahliaa itu yang bukan Melayu. Katalah yang bukan bumiputera. Yang bukan Melayu ada 20 orang, yang Melayunya 60 orang, niaka Pengerusinya (Chairman) ataupun Juruacaranya (announcer) akan bercakap dalam bahasa Inggeris; kalau dia dari keturunan India, loghat Indialah Inggerisnya, kalau dia daripada keturunan Cina, loghat Chineselah Englishnya, tetapi dalam bahasa Inggeris juga: "I would like to say to you today.....wah! Our meeting today....." Begitulah.

Jadi saya harap kalau begini keadaanya, kesatuan sekerja ini rakyat, warganegara dari berbagai-bagai lapisan, bukan kaum elit. Bukan semuanya lawyer, doktor, professor ataupun kesemuanya orang-orang yang graduan-garduan. Jadi kalau di kalangan orang-orang graduan elit ini kita memang sudah faham, walau tak ada orang bangsa lain dalam majlis itu, orang-orang satu kaum sahaja, dia mesti bercakap bahasa Inggeris juga seratus peratus. Saya juga duduk banyak jawatankuasa yang tinggi-tinggi macam Perpaduan Negara, Lembaga Penasihat dan lain-lain, 100% bahasa laggeris, tak apalah sebab yang berkenaan ini sudah mahir Bahasa Malaysia, sudah mahir bahasa Inggeris, dua-dua okay, tak apalah juga walaupun peraturan tak boleh merabenarkan. Bahasa Malaysia hanya dicakap: "Selamat pagi tuan-tuan dan puan-puan jawataakuasa sekalian, hari ini kita akan bermesyuarat. Agenda kita pada hari ini ada 3,4 perkara. Now I would like to say about: this,....." Lepas itu sampai akhirlah tak ada lagi Bahasa Malaysia. Ada 10 patah sahaja, lepas itu tak ada lagi Bahasa Malaysia.

Saya faham mereka ini sudah faham dua-dua bahasa, bolehlah gunakan Bahasa Malaysia dan juga bahasa Inggeris, tetapi kesatuan sekerja di sini sebahagian daripada anggota-anggota rakyat. Anggota-anggota keahlian kesatuan sekerja ini ialah sebahagian kecil daripada rakyat jelata warganegara Malaysia yang hendak jadi orang Malaysia; Ada antara kesatuan-kesatuan. itu bukan semua faham bahasa Inggeris, tetapi bila mesyuarat dijalankan dalam bahasa Inggeris, dahulu undang-undang pun dalam bahasa Inggeris, inipun masih ada dalam bahasa Inggeris, saya tak tahulah undang-undang kita ini tak bolehkah agaknya diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia? Ada banyak pindaan-pindaan undang-undang akta yang dibawa ke Dewan ini masih lagi dalam bahasa Inggeris.

Saya juga ingin sentuh sedikit berkenaar. dengan bahasa dalam undang-undang kita **ini**. Memang kalau kita yang faham, fasih dalam ayatnya ayat lama. Adakah ini sebagai satu susunan ayat yang khusus kerana undang-undang yang tidak boleh diselaraskan, disusun semula seperti Bahasa Malaysia yang standard yang orang boleh senang faham? Berbelit-belit, Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya pun tak faham tadi yang berkenaan dengan Fasal 3, kurang faham saya: "dibawa oleh dia, akan dia, maka dibuat oleh dia, didaftar oleh dia, ditaruh di bawah dia, di atas dia....." dan lain-lain.

Saya kembali kepada topik percakapan saya tadi Bahasa Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya minta Kementerian Buruh yang mengawal kesatuan. sekerja mestilah tegas menghantar surat edaran kepada semua kesatuan sekerja walaupun di ladang-ladang yang belum mahir Bahasa Malaysia mesti mereka itu menggunakan Bahasa Malaysia, tak boleh lagi kita kaca oh! kerana mereka ini tak tahu Bahasa

Malaysia, diberilah maka itu kelonggaran 2 tahun lagi, 10 tahun lagi, 20 tahun lagi, sebab dia tak pandai lagi Bahasa Malaysia. Ini bahasa perhubungan, tak kiralah bahasa apapun asalkau faham. Tuan Yang di-Pertua, ini alasan. Tak kiralah bahasa apapun, yang pentingnya perhubungan, kefahaman.

Jadi kalau begitu tak adalah kita iai menjadi patriotik, tidaklah kita ini ada Rukunegara, tidaklah kita menjiwai citarasa negara bahawa negara nama Malaysia, Bahasa Kebangsaannya sama Bahasa Malaysia, rakyatnya daripada orang-orang Malaysia dan jiwanya Malaysia, fikirannya Malaysia, bersatu berhubung dalam satu bahasa. Bolehlah 3,4 bahasa tetapi Bahasa Malaysia itu dianggap sebagai bahasa perhubungan untuk warganegara semua kaum dalam negara yang bernama Malaysia. Jadi melalui kesatuan sekerja ini boleh dimulakan, sebab kalau tak kesatuan sekerja mereka boleh buat hak sendiri hendak pakai bahasa apa, tetapi dalam kesatuan ini mesyuarat-mesyuarat kecil ataupun apa-apa perkara yang berkaitan dengan ini undang-undang pun sudah kata, Akta sudah ada, kita luluskan hari ini, maka pelaksanaannya tolonglah diawasi dengan tegas. Kalau ada juga yang tak mahu mengikutnya, tolong ambil tindakan tatatertib supaya mereka tahu itu salah. Apa yang berlaku tidak pernah ada tindakan tatatertib. Siapa hendak langgar, langgarlah. Ada tak ada kalau dipersoalkan, maka jawapannya balik kepada tadi, akan diambil tindakan, perhatian berat, tetapi sebenarnya ringan, tak berat. Bunyi sahaja berat, pelaksanaannya ringan.

Jadi kalau kita hendak menyalahkan rakyat pun barangkali perkara ini tidak begitu adil, kerana rakyat itu perlu dipimpin. Kalau dia rasa dia boleh buat, dia buatlah sukahati dia hendak buat. Saya pun begitu, kalau saya rasa saya boleh buat apa yang

saya suka dan, saya tidak akan menerima apa-apa tekanan ataupun tidak menerima apa-apa denda, saya boleh buat apa yang saya suka buat. Tarabah pula kesatuan sekerja kita ini kebanyakannya kalau yang di pendalaman, di ladang-ladang mereka kurang mendapat penjelasan, kurang mendapat penerangan, kurang dengan pendedahan. Jadi kita, Kerajaan, kesatuan, pemimpin perlu membantu melaksanakan pelaksanaan Bahasa Malaysia- yang disebutkan dalam Akta ini, terutamanya-berhubung dalam mesyuarat-mesyuarat atau surat-menyurat ataupun apa sahaja kaitannya dengan pelaksanaan dan juga dengari matlamat dengan pengurusan kesatuan-kesatuan sekerja kita ini.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai perkara dadah. Dalam statistik yang telah dikeluarkan oleh Pasukan Petugas Anti Dadah MKN ataupun satu badan tertinggi mengendalikan mengenai masalah dadah di negara kita ini. Ini angka tulin, Tuan Yang di-Pertua, bukan kata cedok-cedok, buat-buat, tiru-tiru ataupun palsu-palsu, tak ada. Ini yang telah dibuat melalui kajian daripada seluruh Malaysia dari semua aspek kerana ada satu jawatankuasa khas yang telah menyiasat, yang telah meneltili, yang telah mengkaji secara terperinci mengenai perangkaan-perangkaan hal ehwal yang berkaitan dengan masalah ancaman dadah negara kita ini. Didapati sebanyak 70% yang menagih dadah itu bekerja, maka bermakna bila dia bekerja adalah ia dalam kesatuan sekerja ini, sebab kesatuan sekerja ini dianggotai oleh pekerja-pekerja.

Saya ingin membuat saranan kepada Kementerian Buruh iaitu masukkanlah di dalam mana-mana column ataupun di dalam mana—mana cara, sama ada melalui budibicara atau melalui surat perantaraan atau diselit-selitkan dalam peraturan, sebab Akta tak boleh dipinda, tetapi saya hendak mengesyorkan akan datang dipinda supaya perkara dadah ini menjadi satu perkara dalam Akta. Setiap kesatuan sekerja antara matlamat perjuangannya ialah menentukan bahawa masalah dadah itu diambil perhatian berat dan mereka bersama-sama berkempen menjauhkan ahli-ahlinya daripada pengaruh najis dadah.

Tetapi sebelum Akta itu kita syorkan nanti, saya ingat buatlah saranan dahulu supaya keseraua kesatuan sekerja adalah diwajibkan memberikan pengetahuan mengenai masalah najis dadah yang merangkumi apa itu dadah, pengaruh dadah, bagaimana boleh terpengaruh dengan dadah dan kalau sudah terpengaruh apakah tindakan yang perlu dibuat, apakah peranan kesatuan sekerja supaya pekerjaanya tidak terlibat dengan dadah, cara mana mereka hendak menyumbangkan khidmat mereka daripada kesatuan mereka untuk membantu Kerajaan dalam mencegah najis dadah kerana apabila pekerja-pekerja kita telah terpengaruh oleh dadah macam-macam boleh jadi.

Kita tahu, Tuan Yang di-Pertua, semasa mereka cuba untuk mogok diri, mereka telah menggunakan penagih-penagih dadah untuk membuat kerja-kerja yang tidak senonoh seperti baling batu - Fasal dia sudah menagih, bila dia diberi dadah, dia sudah gila, dia buat apa sahaja, yang disuruh apa pun dia buat. Baling batu, jerit-jerit dan buat kerja-kerja yang melanggar undang-undang dan tidak mustahil kalau perkara itu tidak dicegah nanti mereka akan menggunakan mangsa-mangsa penagihan dadah ini untuk membuat kerja-kerja yang lebih tidak sihat, umpamanya seperti mengancam, mengguait, meletup bom kecil-kecil atau membuat tindakan-tindakan lain yang tidak wajar seperti memecahkan kereta, mengganggu peniaga-peniaga ataupun raenyekat jalanraya-jalanraya dan lain-lain yang membawa kepada kerosakan dan membawa kepada ketidak tenteraman rakyat ramai atau mengaaggu ketenteraman awam.

Tuan Yang di-Pertua, dengan alasan-alasan yang saya katakan tadi dan dengan harapan bahawa Akta ini akan membawa kebaikan juga adanya dan janganlah nanti sampai kita terpaksa pula meminda Akta

ini untuk dimasukkan yang itu dan yang ini di masa akan datang kerana pelaksanannya yang tidak begitu tegas. Maka saya sekali lagi menyokong kepada Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kesatuan Sekerja 1959.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Tuan G. Rajoo.

6.02 ptg.

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk menyokong Rang Undang-undang Kesatuan Sekerja (Pindaan) 1988 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri baru-baru ini.

Rang Undang-undang ini dibentangkan tepat pada waktunya, sesuai dengan keadaan zaman dan sangat diperlukan pada masa ini berikutan dengan penerapan sistem penguatkuasaan buruh di peringkat antara-bangsa, di mana beberapa peruntukan telah diberi bagi menjamin kesejahteraan dan keselamatan pekerja. Rang Undang-undang yang dibentangkan ini bertujuan memperbaiki pentadbiran dan penguatkuasaan undang-undang buruh di negara ini. Ia juga menghapuskan kesamaran dan menjelaskan maksud peruntukan tertentu serta melonggar peruntukan yang bercorak rigid. Saya juga yakin pindaan-pindaan ini akan membawa kesan meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kos buruh.

Tuan Yang di-Pertua, dalam aspek membentangkan pindaan-pindaan ini saya memuji langkah Kerajaan yang mengambil inisiatif untuk berunding dengan kesatuan-kesatuan sekerja, majikan dan pihak pekerja dalam Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan untuk dibincang, dikaji dan disemak- sebelum ianya dibentangkan dalam Dewan Parlimen

yang mulia ini. Ini jelas menunjukkan bahawa Kerajaan mempunyai hasrat dan niat yang suci dalam membentangkan Rang Undang-undang ini agar menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan menambah pelaburan. Saya yakin dan percaya tindakan Kerajaan ini akan disambut baik oleh majikan dan pelabur asing kerana pindaan-pindaan ini akan dapat mewujudkan satu iklim perdagangan yang ideal di rantau ini. Saya juga berharap golongan yang tertentu tidak akan salah tafsirkan undang-undang ini dan memburuk-burukkan nama baik Malaysia dengan tujuan menakut-nakutkan pelabur-pelabur asing dan majikan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh langkah-langkah Kerajaan dalam pindaan Rang Undang-undang ini untuk menolak pendaftaran kesatuan-kesatuan baru bagi pekerja-pekerja dalam sesuatu trade, pekerjaan atau industri jika wujudnya sebuah kesatuan yang mewakili pekerja itu dalara trade, pekerjaan atau industri yang sama sebelum itu. Perkara ini adalah sesuai dan baik kerana pendaftaran kesatuan-kesatuan yang baru atas nama pekerja yang sama tidak akan membawa apa-apa faedah kepada pekerja atau negara. Ini hanya akan menggalakan pertumbuhan "mushroom trade unions", dengan izin, yang pasti akan menjejaskan pertumbuhan ekonomi dan menakutkan pelabur-pelabur asing. Kita tidak mahu melihat satu situasi di mana kegiatan kesatuan sekerja menggugat ketenteraman awam dan melemahkan jentera Kerajaan seperti pernah berlaku di beberapa negara di dunia ini.

Di dalam aspek ini saya juga menyokong dengan sepenuhnya pindaan seksyen 26C1A) di mana Akta ini melarang pekerja yang tidak digaji dalam sesuatu trade, pekerjaan atau iadustri berkenaan dari

meneruskan keahlian dalam kesatuan berkenaan. Pindaan ini adalah amat sesuai dan baik memandangkan sekarang terdapat beberapa tokoh yang mengetuai atau menjadi presiden atau setiausaha agung tidak langsung -terlibat atau memegang sebarang pekerjaan dalam sesuatu trade yang tertentu dan mereka menggunakan kuasa politik mereka untuk mengetuai kesatuan-kesatuan ini dan menjadi makhluk perosak yang menggugat kestabilan negara dengan beberapa tohmahan yang palsu di luar negeri atau di "forum-forum antarabangsa samata-mata kerana perbezaan kefahaman politik. Saya berpendapatan seorang ketua atau seorang ahli sesebuah kesatuan hendaklah terdiri daripada pekerja-pekerja trade tersebut kerana merekalah lebih mengetahui dan sensitif terhadap profesion mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat tertarik kepada beberapa pindaan seperti pindaan seksyen 28(1), 38(3) dan 56(1) di mana pindaan-pindaan ini' merupakan pindaan yang? lebih menguntungkan pihak pekerja dan kesatuan. Pindaan-pindaan" ini melonggarkan syarat dengan melanjutkan tempoh mengemukakan pindaan peraturan kesatuan daripada 7 hari kepada 30 hari memandangkan 7 hari itu adalah terlalu singkat bagi pegawai-pegawai kesatuan mengemukakan pindaan sesuatu kesatuan itu. Begitu juga pindaan-pindaan dalam Rang Undang-undang ini telah memperuntukkan bahawa kenaikan yuran kesatuan diputuskan mengikut majoriti undi sulit yang dikembalikan sahaja, bukan lagi tergantung kepada majoriti semua ahli yang layak mengundi.

Perkara-perkara ini jelas menunjukkan Kerajaan tidak mempunyai niat untuk menindas atau melemahkan sesebuah kesatuan sekerja di negara ini, malah telah berusaha untuk memperkembangkan dan memperkemas lagi kesatuan-kesatuan sekerja di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada pindaan seksyen 56(1) di mana Rang Undang-undang melanjutkan tempoh mengemukakan penyata tahunan kesatuan dari 1hb Julai kepada 1hb Oktober setiap tahun. Lanjutan tempoh 3 bulan ini adalah sangat muaasabah, praktikal dan sangat disanjung tinggi pada masa ini. Lanjutan tempoh ini akan memberi peluang kepada kesatuan sekerja untuk menyiapkan penyata-penyata tahunan dengan lebih sistematik dan kemas lagi.

Saya difahamkan kebelakangan ini beberapa buah kesatuan telah didakwa di mahkamah dan didenda beribu-ribu ringgit kerana gagal mengemukakan penyata-penyata tahunan sebelum 1hb Julai setiap tahun. Yang didendakan itu adalah Setiausaha-setiausaha Agung Kesatuan atau mereka tidak dibenarkan menggunakan wang kesatuan untuk membayar denda itu. Saya merasa simpati atas Setiausaha-setiausaha Agung ini, kerana mereka memegang jawatan tersebut atas dasar sukarela dan kini didakwa kerana kelewatan tersebut. Pada masa ini denda yang dikenakan atas kelewatan ini adalah \$100 bagi setiap hari sehingga penyata dikemukakan. Ada kesatuan yang lewat dalam mengemukakan penyata dan didenda \$500, \$1,000, \$3,000 dan sebagainya dan Setiausahanya membayar dari poket sendiri.

Saya berpendapat denda ini adalah terlalu banyak dan tidak praktikal melaksanakannya. Oleh yang demikian, saya berharap Kerajaan akan mengkaji kemungkinan meminda Rang Undang-undang ini untuk mengurangkan denda ke satu tahap yang lebih praktikal dan munasabah iaitu \$10.00 setiap hari kelewatan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali pindaan ini juga mengadakan peruntukan-peruntukan untuk menghadkan lagi sistem audit dan bertanggungjawab tabung wang kesatuan sekerja di negara ini. Seperti kita sedia maklum, beberapa kesatuan yang besar di negara ini mempunyai aset dan pusingan wang berjuta-juta ringgit setiap tahun. Wang ini ditanggung dari yuran ahli. Oleh yang demikian, Kerajaan yang seharusnya hendaklah mengambil langkah menjaga harta-benda yang dikumpul ini dengan mengadakan pengawasan dan undang-undang tertentu seperti ini. Dengan adanya pindaan undang-undang ini saya yakin perhubungan di antara majikan dan pekerja ditingkatkan lagi dan kedua-dua pihak akan mementingkan perhubungan perusahaan yang baik bagi meningkatkan produktiviti dan meninggikan tafaf ekonomi dan sosial pekerja di negara ini. Saya juga yakin dah berharap pindaan-pindaan ini akan mewujudkan aspek positif dalam bidang trade unionisme di negara ini.

Dengan kata-kata ini, sekali lagi saya menyokong penuh Rang Undang-undang Akta Kesatuan Sekerja (Pindaan) 1988 ini. Sekian, terima kasih.

6.14 ptg.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam suatu Akta untuk meminda Akta Kesatuan Sekerja, 1959.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama Akta ini ialah untuk menekankan peningkatan daya pengeluaran dan mempertingkatkan hubungan baik majikan-pekerja sebagai tujuan kesatuan sekerja. Saya mengalu-alukan tujuan murni ini.

Seperti pandangan-pandangan yang diberi oleh Yang Berhormat Saudari baru-baru ini, saya sungguh-sungguh berharap Kementerian Buruh mesti ambil perhatian terhadap pandangan-pandangan yang telah diberi dan akan diberi di dalam Dewan ini. Kita menerima hakikat bahawa mesti ada satu perhubungan baik di antara majikan dan kesatuan. Perhubungan ini bukanlah semata-mata dalam "bertulisan sahaja. Apabila kita melaksanakan undang-undang ini, kita haruslah beri perhatian berat, kerana kedua-dua pihak ini mustahak di dalam produktiviti, mahupun majikan ataupun kesatuan sekerja. Kita tidak boleh ketepikan satu pihak dan kita manjakan satu pihak yang lain. Sebagai hakikat yang kita senantiasa terima untuk meninggikan produktiviti, kedua-dua pihak mesti memberi kerjasama yang erat untuk meninggikan produktiviti,

Di sektor ladang-ladang khasnya di estet-estet itu, Kementerian Buruh mesti ambil tahu apabila mereka membuat perjanjian antara kesatuan dan majikan itu. Kementerian Buruh mesti ambil perhatian terhadap janji-janji yang mereka buat itu. Apabila satu-satu perjanjian telah dibuat, reaksi daripada pekerja kita haruslah beri keutamaan. Satu contoh saya ingin bawa ke perhatian Kementerian Buruh iaitu apabila seseorang pekerja sekiranya mereka tidak hadir ke pekerjaan sebelum atau selepas satu-satu perayaan, gaji mereka terpaksa dipotong. Apabila ada satu-satu perayaan nasional, sekiranya mereka tidak hadir ke pekerjaan sebelum atau selepas, satu hari sebelum perayaan dan satu hari selepas perayaan itu, sewenang-wenangnya majikan memotong gaji tanpa ada alasan-alasan. Maklumlah

kesatuan-NUPW di-ladang-ladang itu mereka tidak berpelajaran tinggi, mereka ini cuma Darjah VI, Pengurus Ladang itu yang kebanyakannya berijazah dan pekerja-pekerja itu yang kebanyakannya buta huruf, mereka terima apa-apa keputusan majikan itu. Ini adalah satu tempat di mana Kementerian Buruh mesti memainkan peranan yang penting. Saya maklum, Tuan Yang di-Pertua ada pemimpin-pemimpin kesatuan bermaharajalela, mereka itu apabila membuat satu-satu perjanjian, mereka tidak mengambil berat dengan perhitungan-perhitungan di dalam janji-janji itu, Kementerian Buruhlah sebagai satu badan Kerajaan mengawasi janji-janji itu supaya pekerja-pekerja ini tidak ditindas oleh satu-satu perjanjian.

Tuan Yang di-Pertua, untuk meningkatkan produktiviti, pekerja-pekerja ini mesti menjaga kesihatan mereka;

Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri atau pegawai-pegawai bila-bila masa pun boleh melawat hospital-hospital di dalam estet. Ini akan jadi satu muzium kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh melawat sebuah hospital estet di ladang Telok Merbau, di daerah Sepang itu, di waktu malam orang ramai takut hendak pergi ke tempat itu, tidak ada pesakit. Untuk mencari keuntungan yang lumayan Pembantu Hospital sentiasa memberitahu kepada pekerja itu supaya pergi ke Klinik Kerajaan. Klinik Kerajaan, boleh mendapat sambutan baik, Kerajaan mempunyai banyak wang, ubat di sana baik, tetapi saya sendiri merasa ragu Tuan Yang di-Pertua, kerani-kerani estet mendapat ubat yang baik, macamana itu? Ini adalah satu perkara yang saya tidak boleh terima.

Kita sentiasa menitikberatkan produktiviti, tetapi apabila pekerja-pekerja menghadapi masalah kesihatan, mereka pergi ke hospital estet. Pembantu Hospital Gred 3 yang bertugas dia kata, pergi ke Klinik Kerajaan, semata-mata ingin hendak mencari keuntungan yang lumayan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila mereka sungguh-sungguh sakit, pengurus ladang marah pada Pembantu Hospital, apa sebab beri banyak cuti sakit? Ini menjejaskan produktiviti estet itu. Oleh sebab itu jaga-jagalah, berawas-awaslah apabila memberi cuti sakit, Apabila pekerja itu berjumpa Pembantu Hospital beliau kata pekerja ini sudah mendapat rawatan, beliau boleh pergi kerja. Ada satu kes, Tuan Yang di-Pertua, ini hakikat yang saya boleh beri bukti, apabila pekerja itu pergi ke Klinik Kerajaan berjumpa doktor yang berijazah (degree)

MBBS, dia kata pekerja ini tidak boleh kerja, dia perlu rihat satu hari. Macamana kita boleh mempertingkatkan produktiviti itu? Saya cuma memberitahu ladang-ladang itu kerana ladang-ladang itu ada banyak masalah-masalah yang mereka hadapi,

Negara ini bergantung kepada produktiviti komoditi dan komoditi. itu datang daripada estet, seperti getah, palm oil dan. lain-lain. Mereka ini kita harus berjaga-jaga kerana untuk meningkatkan produktiviti, oleh sebab itu saya merayu kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, seorang yang datang dari grass root, beliau juga dari Sepang dahulu, seorang Penolong Pegawai Daerah Sepang, oleh sebab itu beliau tahu tempat yang saya beritahu itu, iaitu di mana hospital-hospital estet majikan sudah menganggap itu sebagai satu beban. Mereka menganggap apabila sampai 31hb Disember, mereka buat kiraan berapa untung, berapa banyak bonus dia boleh declare, dengan izin, tetapi kebajikan pekerja-pekerja itu kita harus beri perhatian, untuk meningkatkan produktiviti. Ini adalah satu contoh Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beritahu, kerana kita katakan di dalam huraian ini menekankan peningkatan daya pengeluaran, bagi meningkatkan ini pekerja-pekerja ladang khasnya di estet itu perlu mendapat perlindungan yang sewajarnya daripada Kementerian Buruh.

Saya telah beberapa kali menyeru kepada pegawai-pegawai Kementerian Buruh dalam Dewan ini supaya melawat ke hospital-hospital di estet itu supaya masalah itu dapat diselesaikan, tetapi mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berada dalam Dewan ini dapat menjawab kerana masanya sesuai di mana kita memperbahaskan Akta ini. Saya berharap perkara ini akan dapat

perhatian beliau supaya masalah ini dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, permintaan-permintaan yang dicadangkan ini perlu pada masa ini.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda seksyen 26(1A). Saya sendiri kurang jelas, sekiranya seseorang ini tidak bekerja di dalam satu-satu bidang macamana dia boleh jadi pemimpin kesatuan itu? Seorang yang tidak menjadi pemandu dia boleh jadi ketua satu-satu Kesatuan Pengangkutan? Seseorang yang tidak menoreh getah dia boleh jadi pemimpin satu-satu Kesatuan? Macamana dia boleh tahu kesusahan pekerja—pekerja itu? Bangun pukul 5.30 pagi. Saya sendiri ada ikut emak saya semasa dia menjadi penoreh getah, nyamuk itu sebagai satu arm forces attck, dia pergi subuh untuk menoreh getah, balik beberapa masalah pala dia hadapi. Tetapi seseorang yang duduk di dalam bilik berhawa dingin dia boleh menjadi pemimpin untuk mereka ini? Saya pun kurang faham Tuan Yang di-Pertua, ini sudah sampai masanya satu-satu Kesatuan mesti dipimpin oleh seorang pekerja, barulah mereka tahu selok-belok kesusahan mereka, tidaklah mereka ini boleh mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang mengatakan ini bersalah, itu bersalah, tetapi mereka tidak tahu apa yang berlaku di dalam bidang-bidang itu. Oleh sebab itu sampailah masanya kita adakan satu permintaan supaya sesiapa pun jangan pilih kasih, Kementerian Buruh jangan pilih kasih, orang-orang luar tidak patut dibenarkan untuk bertanding ataupun memegang jawatan dalam sesuatu Kesatuan Sekerja, jika mereka tidak kena-mengena dengan industri yang diwakili oleh Kesatuan itu. Ini adalah satu permintaan yang sewajarnya, kena pada masanya saya menyokong supaya pindaan

ini dapat dilaksanakan dengan sempurnanya, barulah orang-orang yang tidak di dalam pekerjaan itu mereka bolehlah menjadi ahli politik dan lain-lain perusahaan ataupun menjadi ahli perniagaan. Apa sebab mereka ini hendak menjadi pemimpin Kesatuan di mana mereka tidak kena-mengena dengan jawatan itu,

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa pun sudah cukup, boleh sambung pada hari esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ini ditangguhkan sehingga hari esok jam 2.30 petang,

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.